**Jejantas 'sotong' RM5 juta** MS3



**1,491 terima RM5.9 juta PTS** MS19



**MPSP dapat OHSAS** MS 25



PERCUMA

buletin Mutiara

1 – 15, OKTOBER 2013

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng




**Kerajaan Negeri mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidiladha kepada seluruh umat Islam di Pulau Pinang.**

# Batu Kawan jadi tapak KDU, Universiti Hull - KM

Oleh : **ZAINUFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Sebuah lagi Universiti yang dikenali sebagai Kolej Universiti KDU serta Universiti KDU akan ditubuhkan di atas tanah berkeluasan 30 ekar di Batu Kawan, selepas Kerajaan Negeri mengumumkan pemajuan kampus cawangan Universiti Hull dari United Kingdom di sini

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) menjual tanah di sini kepada Paramount Corporation Berhad (Paramount), iaitu syarikat induk *Paramount Property* dan Kumpulan Pendidikan KDU.

“Ini adalah projek universiti kedua di Batu Kawan berikutan pengumuman dua hari lalu bahawa Universiti Hull dari United Kingdom juga akan dibuka di Batu Kawan.

"Perjanjian jual beli tanah ini adalah tepat pada masanya kerana kampus baru KDU di Batu Kawan, akan mempunyai kemudahan yang lebih menepati keperluan sebuah kolej universiti," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Chong Eng (Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) dan Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar), Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Datuk Wira Jalilah Baba (Pengerusi PKT Logistics Group Sdn. Bhd.), Ian Pashby (Naib Canselor Universiti Hull dekat United Kingdom), Edmund Edward (Ketua Pegawai Eksekutif ALC College) dan Datuk Micheal Tio (Pengarah Pengurusan Kumpulan Logistik Sdn. Bhd. )(turut hadir).

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih berkata, projek rangsangan yang dijangka siap sepenuhnya dalam masa lima tahun ini terdiri dari 10 ekar tanah untuk tujuan pembangunan sebuah kolej universiti dan universiti, manakala, baki 20 ekar tanah lagi untuk pembangunan campuran.

"*Paramount* perlu mendapatkan semua kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkaitan dan membiayai sepenuhnya kos pembangunan.

"Kolej KDU Pulau Pinang kini sedang berusaha ke arah akreditasi Kolej Universiti, selaras dengan visi Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menjadikan negeri (atau) negara sebagai pusat kecemerlangan pendidikan tinggi,” ujar beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Tambah beliau, kejuruteraan, perakaunan, perniagaan, pengajian pra-universiti, hospitaliti, kulinari dan pelancongan, sistem maklumat, komunikasi massa, reka bentuk serta Bahasa Inggeris antara kursus ijazah yang akan ditawarkan di universiti berkenaan nanti.

"Pulau Pinang mempunyai potensi yang besar untuk berkembang sebagai hab pendidikan kerana kesesuaian untuk didiami dan keselamatan yang baik dan pertumbuhan kelas menengah yang pesat.

"Pulau Pinang kini menawarkan pelbagai institusi pendidikan bagi pelajar-pelajar tempatan dan asing dengan sekolah antarabangsa, institusi pengajian tinggi khusus dan komprehensif dan institusi profesional untuk menyediakan latihan dan peningkatan kemahiran seperti PSDC," ujar Guan Eng lagi.

Terdahulu, Guan Eng mengumumkan Universiti Hull dari United Kingdom akan membuka kampus cawangannya di Batu Kawan, dijangka siap dalam tempoh tiga tahun.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan *Memorandum of Intent* antara Universiti Hull & ALC College, iaitu anak syarikat Logistik PKT.

Itu, tidak termasuk cadangan Kerajaan Pusat menubuhkan *ASEAN Women Leadership University* (AWLU) di Balik Pulau, serta, cadangan Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) menubuhkan sebuah kampus Universiti Islam di Penanti, sebelum ini.




**KETUA Menteri (empat dari kiri) menyaksikan Ian Pashby (kiri sekali) dan Edmund Edward (kanan sekali) saling menukar dokumen Memorandum Nyata Hasrat (MoI) pembinaan *University of Hull* sambil diperhatikan oleh Abdul Malik Abul Kassim (dua dari kiri), Jalilah Baba (tiga dari kiri) dan Micheal Tio (lima dari kiri) di sini baru-baru ini.**

# 400 terima zakat bantuan permulaan ke IPT




**MOHD. Salleh Man (berkopiah) bersama-sama Azman Abdul Somat (tengah) saling berinteraksi dengan waris penerima zakat bantuan permulaan masuk IPT di sini baru-baru ini.**

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUTTERWORTH -** Seramai 400 bakal mahasiswa institusi pengajian tinggi (IPT) bagi sesi pengambilan baru menerima Bantuan Permulaan Ke Universiti fasa kedua tahun ini melalui Zakat Pulau Pinang baru-baru ini.

Zakat Pulau Pinang telah memperuntukkan sejumlah RM314,000 bagi tujuan tersebut.

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man berkata, mereka yang dipilih menerima sumbangan itu atas kelayakan asnaf *Fi Sabilillah*.

"Saya berharap sumbangan ini dapat mengurangkan beban permulaan masuk ke IPT yang terpaksa ditanggung oleh ibu bapa nanti," ujar Mohd. Salleh di Dewan Haji Ahmad Badawi di sini baru-baru ini.

Mohd. Salleh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir berkata, bantuan pendidikan tersebut bukanlah berstatus biasiswa pendidikan sepertimana yang dianggap oleh segelintir umat Islam di negeri ini.

"Ia merupakan pemberian wang zakat bagi membantu bakal mahasiswa yang bakal meneruskan perjuangan pada masa hadapan," ujarnya.

Selain itu, beliau menasihati semua penerima bantuan supaya amanah dengan pemberian yang diterima serta tidak membelanjakan wang bantuan tersebut untuk perkara *syubhah,* seperti membeli rokok dan sebagainya.

Pengurus Besar Zakat Pulau Pinang, Dr. Azman Abdul Somat turut berucap pada majlis tersebut.

Dalam perkembangan sama, Pengurus Persatuan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Cawangan Butterworth, Adnan Jamaluddin turut menyerahkan cek berjumlah RM42,294, zakat perniagaan kepada Zakat Pulau Pinang melalui Mohd. Salleh.

**SINDIR MUTIARA** Oleh: **Sam**



# DEIA tentu status projek RM6.3 bilion - KM

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**




**KETUA Menteri (tiga dari kiri, hadapan) bersalaman dengan Zarul Ahmad Zulkifli (tiga dari kanan, hadapan) sambil saling bertukar dokumen perjanjian persefahaman di sebuah hotel dekat George Town baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri akan meneruskan hasrat membina tiga lintasan lebuh raya dan satu terowong bawah dasar laut yang keseluruhannya bernilai RM6.3 bilion demi menangani kesesakan menjelang tahun 2020 dengan syarat mendapat kebenaran Penilaian Kesan Alam Sekitar (DEIA) sahaja.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian semasa memeterai perjanjian awalan bersama-sama Konsortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. yang turut disertai oleh *China Railway Construction Corporation International* (CRCC) dan *Beijing Urban Construction Group* (BUCG) bagi menjalankan kajian kemungkinan dan kerja-kerja reka bentuk terperinci (FSSD).

"Projek ini adalah tertakluk kepada pematuhan penuh dengan semua kajian DEIA.

Sekiranya, ianya tidak diluluskan, Kerajaaan Negeri tidak akan meneruskan mana-mana projek berkenaan dan bayaran sebanyak RM6.3 bilion tidak dibuat melalui tunai, sebaliknya, melalui pertukaran tanah seluas 44 hektar di Tanjung Pinang," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Sebelum itu, Pengerusi Konsortium Zenith BUCG Sdn. Bhd., Datuk Zarul Ahmad Zulkifli menjelaskan, FSSD ini sangat penting bagi memastikan projek ini mematuhi semua syarat yang ditetapkan.

"Fasa ini akan mengambil masa lebih kurang satu setengah tahun dan sebaik sahaja ianya siap, kita akan segera memulakan projek-projek yang dirancang," ujar Zarul Ahmad.

Terdahulu, Kerajaan Negeri pada April lepas mencadangkan penubuhan syarikat pengangkutan bas awam secara percuma di seluruh negeri ini hingga membolehkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dibenarkan membeli serta memiik bas sendiri, namun, menerima reaksi dingin daripada Kerajaan Pusat.

Ekoran itu, Guan Eng mencadangkan Kerajaan Negeri membayar RM10 juta setiap tahun kepada Kerajaan Pusat supaya perkhidmatan bas awam secara percuma di bawah kendalian Kerajaan Pusat masih boleh direalisasikan, namun, gagal.

Guan Eng berkata, Kerajaan Pusat sejak tahun 2006 hingga sekarang dilihat terus memungkiri janji untuk membina sistem pengangkutan monorel di negeri ini.

Tuntas itu, Guan Eng mencadangkan Pelan Pengangkutan Induk Pulau Pinang (PPIPP) dengan membina tiga lintasan lebuh raya dan satu terowong di bawah dasar laut demi menangani kesesakan trafik menjelang tahun 2020.

Dalam perjanjian terbaru yang dimeterai, difahamkan, projek pemajuan membabitkan jalan sepanjang 4.2 kilometer dari Persiaran Gurney ke Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, dijangka siap pada 2022.

Selain itu, perjanjian projek sama turut membabitkan pemajuan projek dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Bandar Baru Air Itam sepanjang 4.6 kilometer, dijangka siap 2019.

Projek pemajuan lain yang dipersetujui, termasuk, jalan sepanjang 12 kilometer dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang lengkap dengan empat lorong yang dijangka siap 2018.

Manakala, persetujuan bersama mengenai pemajuan projek terowong di bawah dasar laut pula dijangka siap pada tahun 2025.

"Saya turut yakin bahawa projek ini bukan sahaja akan memberi impak yang besar kepada ekonomi Pulau Pinang pada dasarnya, bahkan, akan memberi kebaikan kepada seluruh rakyat Malaysia.

"Selain dari peluang pekerjaan, sub kontrak boleh diberikan kepada kontraktor-kontraktor Pulau Pinang dan kontraktor tempatan khususnya, maka, peluang ini harus digunakan sebaiknya bagi membolehkan mereka membida projek-projek seperti ini di dalam dan luar negara selepas ini," tambah Guan Eng lagi.

Beliau berkata, semua projek tersebut akan memberi pembangunan yang seimbang ke tiga-tiga daerah, iaitu Seberang Perai Utara (SPU), Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Selatan (SPS).

Tambah Guan Eng, konsesi selama 30 tahun akan dibenarkan di terowong bawah dasar laut dengan kadar tol mengikut ketetapan tol baru bagi Jamabatan Kedua Pulau Pinang nanti.

# IGB hasrat ubahsuai jejantas 'sotong' RM5 juta - KM

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**




**JOHN Slater Bailey (dua dari kiri) menerangkan cadangan reka bentuk jejantas pejalan kaki yang akan dibina oleh syarikatnya tahun hadapan.**

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri tidak akan meruntuhkan jejantas 'sotong' dekat Komtar seperti dicadangkan sebelum ini, sebaliknya, mempertimbang hasrat IGB Corporation Berhad (IGB) untuk menaik taraf semula jejantas pejalan kaki empat hala tersebut yang dianggarkan menelan belanja RM5 juta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian sebagai reaksi pada penyataan hasrat projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh Pengarah Rekabentuk IGB, John Slater Bailey di sini baru-baru ini.

"Pada Mei lalu, Kerajaan Negeri bercadang untuk meruntuhkan jejantas berkenaan, namun, setelah soal selidik dijalankan, umum menyuarakan agar jejantas itu dikekalkan.

"Kita (Kerajaan Negeri) dengar suara rakyat dan mencari alternatif lain untuk memelihara jejantas berkenaan," ujar Guan Eng.



**LAKARAN artis cadangan pengubahsuaian jejantas pejalan kaki dekat Komtar.**

Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon, Law Heng Kiang (Exco Pembangunan Pelancongan & Kebudayaan), Ng Wei Aik (Ahli Parlimen Tanjong) dan Datuk Ar. Patahiyah Ismail (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang, MPPP) turut hadir pada majlis tersebut.

Sebelum itu, John Slater menjelaskan, rekaan jejantas 'sotong' yang dicadangkan akan menitikberatkan aspek keselamatan pengguna.

"Kami masih perlu melihat dengan lebih teliti memandangkan struktur asal mempunyai ruang tangga yang agak terhad.

"Ia termasuk aspek lain seperti pemasangan lampu dan lif kaca telus serta aspek-aspek keselamatan yang lain," jelasnya.

Itu, katanya lagi, tidak termasuk rancangan membina kiosk di tengah-tengah jejantas 'sotong' tersebut.

Jejantas 'sotong' tersebut kini berusia 20 tahun.

# Audit: Exco arah kutip balik RM12,920

Oleh : **AHMAD ARAFAT ESAH**

**GEORGE TOWN –** Exco Alam Sekitar, Kebajikan dan Masyarakat Penyayang, Phee Boon Poh berkata, pihaknya mula bertindak positif berdasarkan teguran Laporan Audit Pengurusan Bantua Am Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN) 2012.




Laporan audit itu antara lain menyebut, sebanyak RM344,540 dana bantuan masih terus dikreditkan ke dalam akaun 155 penerima yang telahpun meninggal dunia, dari tahun 2006 hingga Jun tahun lepas.

Malah, perkara tersebut dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2008, tetapi, dilaporkan tiada tindakan lanjut JKMN untuk mengatasi kelemahan itu.

"Setiap penerima sahaja layak menuntut wang bantuan di bank, dan, sekiranya wakil bagi pihak penerima, perlu mendapat surat pengesahan daripada jabatan.

"Bagi wang bantuan yang tidak dituntut akan disalur balik oleh pihak bank dalam tempoh 21 hari.

"Ada penama tidak boleh ambil wang (bantuan) sendiri, tetapi, apabila dia meninggal, waris yang tidak bertanggungjawab masih mengeluarkan duit (bantuan milik penama yang meninggal dunia)," ujar beliau dalam satu sidang media di sini baru-baru ini.

Boon Poh yang yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu berkata, bilangan borang permohonan bantuan yang kian meningkat saban tahun merupakan antara punca data status penerima yang sedia ada kurang dikemaskini.

"Nisbah kes bagi setiap pegawai kes daripada 1:200 kepada 1:350 menyebabkan kekurangan masa untuk membuat ulangkaji kes," ujar beliau.

Justeru, beliau berkata, pihaknya menubuhkan satu pasukan bertindak untuk membuat semakan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), selain, membuat lawatan ke seluruh 442 kediaman penerima bantuan yang sedia ada.

"JKMN terus mengesan keluarga atau waris penerima bantuan yang sudah meninggal dunia untuk mengutip semula wang bantuan yang telahpun digunakan, (iaitu) sebanyak RM12,920 daripada keseluruhan RM331,620 wang bantuan yang telahpun dipulangkan balik oleh pihak bank," tegas beliau.

Phee Boon Poh turut mengemukakan data terbaru mengenai bilangan kes penerima meninggal dunia ditamatkan bantuan seperti di bawah:-

| BULAN | BILANGAN KES MENINGGAL DUNIA TELAH DITAMATKAN BANTUAN |
|---|---|
| Julai '12 | 104 |
| Ogos '12 | 83 |
| September '12 | 29 |
| Oktober '12 | 19 |
| November '12 | 33 |
| Disember '12 | 55 |
| Januari '13 | 58 |
| Februari '13 | 44 |
| Mac '13 | 57 |
| April '13 | 48 |
| Mei '13 | 93 |
| Jun '13 | 78 |
| Julai '13 | 19 |
| JUMLAH | 720 |

**JADUAL penerima bantuan meninggal dunia ditamatkan bantuan mulai Julai 2012 sehingga Julai 2013.**

# Penyewa palsu hadapi tindakan tegas MPPP – Hun Wooi

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) akan mengambil tindakan tegas terhadap penyewa yang memalsukan maklumat berwajib demi memastikan mereka kekal menyewa rumah di bawah projek Perumahan Awam MPPP.

Ahli Majlis MPPP, Tan Hun Wooi berkata, pihaknya baru menerima 133 borang bagi memohon pertukaran nama sahaja, sungguhpun, keseluruhan rumah yang disewakan sebelum ini berjumlah 240 unit.

"Baki 107 unit masih belum memberi sebarang makluman dan ini akan disemak dengan jabatan berkaitan, seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

"Laporan polis turut akan dibuat, jika, penyewa yang didapati tidak lagi layak tinggal masih ingkar dan enggan melepaskan unit (rumah) mereka semula," ujar beliau pada satu sidang media di Padang Kota baru-baru ini.

Beberapa Ahli Majlis bagi MPPP lain turut hadir pada majlis interaksi itu.

Langkah agresif itu, kata Hun Wooi, sebagai reaksi pada Laporan Ketua Audit Negara 2012 yang memaklumkan 240 unit perumahan awam MPPP disewakan kepada orang yang telah meninggal dunia.

"93 daripada 133 permohonan yang dikemukakan, lima telah ditolak, 10 dalam proses rayuan semula dan 10 lagi masih dirujuk bahagian perundangan MPPP", ujar beliau lagi.

Katanya, waris kepada penyewa asal yang telahpun meninggal dunia haruslah memaklumkan kepada MPPP dan membuat pertukaran nama, tetapi, masih tertakluk kepada syarat pendapatan RM2,500 ke bawah.

"Pihak MPPP juga tidak akan terlepas pandang memandangkan bancian mengenai perumahan awam milikan majlis akan dijalankan setiap tiga tahun melalui pengisian borang maklumat isi rumah.

"Pemalsuan dan penipuan tentang maklumat ini dipandang serius, jika terjadi dan MPPP tidak akan teragak-agak melaporkan kepada polis dan menarik balik unit berkenaan," tegas beliau.

Menurut beliau, beberapa rumah berwajib yang dimaksudkan adalah di Taman Free School, Kampung Selut, Jalan Padang Tembak, Lebuh Campbell dan Projek Perumahan Rakyat Jalan Sungai.


LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2012

Sewa rumah kepada orang mati

**KERATAN akhbar Sinar Harian bertarikh 4 Oktober lalu.**




**TAN Hun Wooi (tengah) bersama-sama beberapa Ahli Majlis MPPP lain berucap semasa mengadakan sidang media mengenai Perumahan Awam MPPP di Padang Kota baru-baru ini.**

# PAC panggil tiga pegawai bantu audit

Oleh: **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN** - Tiga pegawai Kerajaan Negeri dipanggil untuk memberi keterangan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Awam (PAC) bagi membantu siasatan mengenai kelemahan sistem *e*-Tanah dalam satu projek Kerajaan Persekutuan membabitkan kelima-lima daerah di negeri ini yang bernilai RM66 juta sebagaimana yang dikemukakan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2011.

Pengerusi PAC, Wong Hon Wai berkata, mereka, Pengarah Tanah dan Galian Negeri, Datuk Arifin Awang, Rohani Hassan (Pegawai Daerah Seberang Perai Utara dan Selatan) dan seorang lagi yang dikenali sebagai 'Shadah Nawawi'.

Beberapa individu lain, katanya, akan dipanggil kemudian dalam masa terdekat untuk memperbaiki kelemahan yang sedia ada.

"Berpandukan mandat dari Dewan Undangan Negeri (DUN), PAC akan dipertugaskan untuk memeriksa akaun Kerajaan Negeri, badan-badan statutori, anak syarikat di bawah Kerajaan Negeri dan lain-lain perkara yang dirujuk oleh Dewan kepada Jawatankuasa ini," ujarnya selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa di DUN Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Ahli Jawatankuasa lain, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man, Dr. Norlela Ariffin (ADUN Penanti), Yap Soo Huey (ADUN Pulau Tikus), Datuk Mahmud Zakaria (ADUN Sungai Acheh), Datuk Roslan Saidin (ADUN Pinang Tunggal), Sr. Muhamad Farid Saad (ADUN Pulau Betong) turut menyertai mesyuarat tersebut.



(Dari Kiri) MAHMUD Zakaria, Roslan Saidin, Muhamad Farid Saad, Wong Hon Wai, Mohd. Salleh Man, Yap Soo Huey, Norlela Ariffin saling berinteraksi di perkarangan DUN Pulau Pinang sejurus selesai mesyuarat PAC di sini baru-baru ini.

Laporan Ketua Audit Negara 2011 antara lain mendedahkan mengenai kesilapan sistem *e*-Tanah di mana daripada sembilan modul sistem ini, hanya empat beroperasi sepenuhnya, manakala, lima yang lain tidak beroperasi serta tidak memenuhi keperluan jabatan.

Jabatan Audit Negara dilaporkan menyebut, pihaknya mendapati bahawa pelaksanaan keseluruhan adalah kurang memuaskan.

Itu, merujuk pada satu projek persekutuan bernilai RM66 juta yang akan melibatkan ke semua lima daerah dan pejabat tanah.

## 'Doktor Rasis': Menteri Kesihatan dapat notis tuntutan guaman

Oleh: **AHMAD ARAFAT ESAH**

**GEORGE TOWN** – Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Hilmi Yahaya yang mendakwa Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng gagal menunaikan janji untuk mengemukakan laporan tentang isu 'Doktor Rasis' akhirnya menerima notis tuntutan guaman daripada pihak pendakwaan, *Karpal Singh & Co*.

Dalam notis bertarikh 3 Oktober itu, Hilmi dituntut menarik balik dan memohon maaf serta membayar pampasan kerana dianggap mencemar kredibiliti Guan Eng serta Kerajaan Negeri.

"Sekiranya kamu gagal mematuhi notis tuntutan ini dalam masa tujuh hari dari tarikh penerimaan surat ini, pihak kami mempunyai arahan tegas untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak Tuan," ujar Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin semasa membaca surat tuntutan peguam Guan Eng.

Dalam perkembangan sama, Dr. Afif sendiri pada 22 Ogos lepas pernah menghantar surat ke pejabat Hilmi menuntut penjelasan lanjut, namun, tiada maklum balas positif.

Hilmi dituntut demikian gara-gara dalam satu sidang media pada 25 Julai lepas menyatakan bahawa Guan Eng gagal menunaikan janjinya untuk mengemukakan laporan isu 'Doktor Rasis' di negeri berkenaan.



AFIF Bahardin menunjukkan surat tuntutan peguam Ketua Menteri dalam satu sidang media di sini baru-baru ini.

Kontroversi isu 'Doktor Rasis' sebenarnya mula timbul apabila Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal, Datuk Roslan Saidin pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang antara lain menyebut bahawa wujud beberapa doktor perubatan Cina mengamalkan rasis di hospital kerajaan dekat negeri ini dengan enggan memberi rawatan sewajarnya kepada pesakit Melayu tertentu, namun, beliau tidak mengemukakan sebarang bukti berwajib sampai sekarang.

## Luncur *Cultural Mapping* demi promosi P.Pinang

**GEORGE TOWN** - Timbalan Presiden Badan Warisan Malaysia, Ar. Laurence Loh meluncurkan naskah *Cultural Mapping: A Guide to Understand Place, Community and Continuity* nukilan Janet Pillai dan rakan-rakannya di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, naskah itu dianggap sebagai sumbangan penting pada dunia sastera antarabangsa.

"Manual pemetaan budaya ini adalah sebuah karya yang tidak ternilai bagi mereka yang berminat untuk mendalami dan memahami sejarah terutama tentang ciri-ciri serta identiti dan budaya masyarakat setempat yang unik." ujar Laurence Loh.




JANET Pillai mempromosi buku *Cultural Mapping: A Guide to Understand Place, Community and Continuity* dalam satu majlis peluncuran di sini baru-baru ini.

Difahamkan, buku tersebut mengisahkan sejarah pemetaan budaya serta konsep asas yang mengukuhkan sesebuah masyarakat dalam membentuk dan mengekalkan sesuatu budaya setempat.

"Buku ini menyajikan pembacanya dengan fakta serta elemen yang jelas mengenai penempatan awal manusia di kawasan George Town.

"Naskah ini adalah hasil daripada kajian kes pemetaan budaya dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town, Pulau Pinang," ujar beliau.

Buku yang berharga RM38 senaskah itu boleh dimiliki di *Arts-ED* dan *Penang Heritage Trust* cawangan Pulau Pinang serta gedung buku MPH dan *Borders*.

Info lanjut, hubungi **016-263 3981** atau **04-263 3471** atau layari sesawang *http://gbgerakbudaya.com*.

# *IJM Land* taja RM100,000 kembang skuasy negeri

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** *IJM Land* menaja RM100,000 untuk pembangunan sukan skuasy Pulau Pinang selama tiga tahun bermula tahun ini, termasuk menjadi tuan rumah Kejohanan IJM Terbuka Wanita Pulau Pinang Ke-2.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melahirkan rasa gembira semasa menyaksikan Perjanjian Persefahaman (MoU) *IJM Land* itu, yang turut disertai *Squash Rackets Association of Penang* (SRAP) and *Squash Rackets Association of Malaysia* (SRAM).

"Kerajaan negeri amat berbangga bahawa Pulau Pinang, dengan sokongan *IJM Land* mampu menjadi tuan rumah pertandingan bertaraf tinggi," ujar beliau di sini baru-baru ini.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng turut hadir pada sidang media itu.

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih berkata, Low Wee Wern yang dikenali sebagai pemain nombor tujuh dunia dan nombor dua dalam ranking kebangsaan akan membantu menjayakan kejohanan kali ini.

Tambah beliau, pertandingan bertaraf antarabangsa kali ini diharap menjadi gelanggang merebut kejuaraan bagi 50 pemain antarabangsa dan Pulau Pinang.

Mereka yang dimaksudkan, antaranya, Vanessa Raj, Celine Yeap , Lim Jee Nee dan Nur Aliah bersama-sama dengan pemain muda negara lain seperti Teh Min Jie dan Sivasangari Subramaniam.

Dalam perkembangan sama, beliau turut berharap kejohanan terbuka serupa turut boleh dianjurkan untuk gender lelaki.

"Kami telah menghasilkan pemain skuasy No. 1 dunia Datuk Nicol David, bakat baru Low Wee Wern dan banyak pemain muda dan akan datang beberapa orang lagi.

"Saya yakin bahawa dengan dedikasi Persatuan dan sudah tentu semua pihak yang terlibat, kita akan dapat lebih pemain bertaraf dunia," ujar beliau.



**KETUA Menteri (empat dari kir) dan Chong Eng (tiga dari kiri) menyaksikan menyaksikan majlis menandatangani dan saling bertukar Memorandum Persefahaman (MoU) bagi Tajaan IJM Land untuk sukan skuasy Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

## KM lantik dua wanita pegang jawatan penting



**(Dari kiri) ROSLI Jaafar, Raja Syarafina Raja Shuib, Lim Guan Eng, Hartini Ali dan Chong Eng bergambar kenang-kenangan selepas sidang media di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng baru melantik dua wanita memegang jawatan penting dalam pentadbiran Kerajaan Negeri.

Raja Syarafina Raja Shuib dilantik sebagai Pegawai Undang-Undang bagi Ketua Menteri, disebabkan, Andrew Yong mengambil cuti belajar selama setahun di luar negeri.

Manakala, Ir. Hartini Ali dilantik sebagai Timbalan Pengurus Besar II (Bahagian Teknikal) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

“Kedua-duanya adalah wanita muda yang akan membantu Kerajaan Negeri,” ujar Guan Eng di sini baru-baru ini.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng dan Datuk Rosli Jaafar (Pengurus Besar PDC) turut hadir pada majlis tersebut.

Raja Syarafina merupakan graduan undang-undang dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur, juga dikenali sebagai penulis bebas di akhbar tempatan.

Hartini pula merupakan graduan kejuruteraan sivil dari Universiti Monash dekat Australia yang berpengalaman lima tahun sebagai Pengurus Perancangan Wilayah di sebuah syarikat pembentungan nasional.

Guan Eng berkata, pelantikan dua wanita berkenaan membuktikan bahawa Kerajaan Negeri sangat mengiktiraf kemampuan negara dalam membangunkan potensi negeri ini.

## Tubuh sekretariat hasil dialog suara anak muda



**SUASANA *team building* yang dilihat interaktif dalam program Dialog Suara Anak Muda di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN -** Seramai 43 belia menyertai Dialog Suara Anak Muda Peringkat Parlimen Balik Pulau anjuran *Penang Youth Development Corporation* (PYDC) dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri (MSN) Pulau Pinang baru-baru ini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail berkata, Chong Eng (Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) semasa merasmikan majlis itu melahirkan rasa gembira kerana Sekretariat Anak Muda Pulau Pinang berjaya ditubuhkan hasil program interaktif tersebut.

"Hasil dialog ini, kita berjaya menubuhkan satu sekretariat dan kita berjaya mendapat percambahan idea.

"Dari program ini, kita mendapat dua kumpulan. Satu, kumpulan remaja yang ada pendidikan serta boleh diketengahkan sebagai pemimpin di peringkat kampung, dan, satu lagi adalah remaja yang kita anggap sebagai kumpulan sokongan di peringkat kampung," ujar Mohd. Tuah dalam satu sidang media di Komtar baru-baru ini.

PPK Teluk Bahang, Datuk Abdul Halim Hussain turut hadir pada majlis tersebut.

PPK Bayan Lepas, Asnah Hashim tidak hadir, sebaliknya menghantar wakil sahaja.

Beliau berkata, program buat julung kalinya diadakan itu turut menerima partisipasi Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

Interaksi dengan kepimpinan negeri, *team building* antara aktiviti menarik dalam program selama sehari itu.

# RM20 bilion hasil GST cukup tampung ketirisan Pusat – Anwar Ibrahim

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**SEBERANG JAYA –** Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) yang dianggarkan menjana RM20 bilion pendapatan tambahan negara hanya cukup untuk menampung jumah ketirisan, pembaziran serta penyelewengan wang rakyat yang didakwa membabitkan tadbir urus Kerajaan Pusat.

Justeru, beliau yang juga Ahli Parlimen Permatang Pauh berkata, Pakatan Rakyat akan terus membangkang pelaksanaan GST sehinggalah tadbir urus Kerajaan Pusat benar-benar tidak menyeleweng lagi.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas hasrat pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang mahu membentangkan rang undang-undang pelaksanaan GST sempena berlangsungnya sidang Dewan Rakyat, sekarang.

"Dengan GST ini, pendapatan akan bertambah lebih kurang RM20 bilion. Saya nak jawab, yang bocor, tiris dan rasuah pun sudah RM20 bilion.

"Menteri kata, hasil (pendapatan negara) akan bertambah, tetapi, tidak membebankan. Ya, yang bermasalah rakyat, bukan Menteri kerana (kadar) GST yang naik pukul rata tujuh peratus, apakah gaji (rakyat) naik tujuh peratus," tanya Anwar dalam satu sidang media di sini baru-baru ini, sebelum, mengadakan lawatan ringkas bertemu rakyat di Pasar Basah Seberang Jaya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya merangkap Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa Dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Mustafa Kamal Mohd. Yusof (Setiausaha Pakatan Rakyat Pulau Pinang) turut hadir pada sidang media itu.

Dalam perkembangan lain, Anwar turut mempertikai kenyataan Panel Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM),



**ANWAR Ibrahim (duduk, tengah) dan Afif Bahardin (duduk, kanan) dalam satu sidang media di sini baru-baru ini.**

Datuk Johan Jaafar yang mencadangkan satu jawatankuasa khas ditubuhkan untuk mengkaji Laporan Ketua Audit Negara 2012.

Laporan Ketua Audit Negara 2012 itu antara lain mendedahkan bahawa kehilangan gari mencatat kes paling tinggi, iaitu sebanyak 156, diikuti, senjata api (44) dan kenderaan polis (29).

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar dalam reaksi spontan dilaporkan berdalih, pihaknya tidak menolak kemungkinan bahawa semua senjata yang didedah hilang itu terjatuh di dalam laut.

Tuntas itu, Anwar berkata, sepatutnya SPRM boleh terus membuka kertas siasatan berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara 2012 tersebut.

"SPRM perlu siasat...tak perlu tubuh jawatankuasa untuk kaji laporan ini kerana laporan ini antara dokumen penting yang diiktiraf negara," tegas Anwar.

## Kejohanan *Skimboarding* Antarabangsa ke-7 Pulau Pinang gamat



**ANTARA peserta yang berjaya mencuri perhatian juri pada Kejohanan *Skimboarding* Antarabangsa ke-7 Pulau Pinang baru-baru ini.**

**GAMAT** - Seramai 68 peserta skimboarding menyertai Kejohanan Skimboarding Antarabangsa ke-7 Pulau Pinang dekat sini baru-baru ini

*Skimboarding* merupakan acara sukan air ekstrem yang menggabungkan kemahiran bermain luncur air dan papan selaju dengan pelbagai helah *(tricks)* baharu menyelusuri air.

Acara yang memasuki tahun ketujuh ini turut disertai oleh pelbagai wakil negara, antaranya Australia, Brunei Darussalam, Hong Kong, Singapura, Filipina dan United Kingdom.



**PESERTA dari Filipina yang turut memenangi beberapa acara sempena Kejohanan *Skimboarding* Antarabangsa ke-7 Pulau Pinang di sini.**

## KM sambut baik hasrat China buka pejabat Konsulat

Oleh: **AHMAD ARAFAT ESAH**

**GEORGE TOWN** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyambut baik hasrat Presiden China, Xi Jinping mahu membuka pejabat konsulatnya di negeri ini.

Menurut beliau, langkah Xi Jinping itu adalah wajar memandangkan kemasukan pelancong dari China ke negeri ini kian meningkat saban tahun.

"Dengan pembukaan Pejabat Konsulat ini dapat membantu lagi usaha Kerajaan Negeri bagi memperkenalkan negeri ini sebagai hab *Business Process Outsourcing* (BPO) ke mata dunia," ujar Guan Eng di sini baru-baru ini.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan berkata, pelancong dari China menerusi Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL) bagi tahun 2012 meningkat sebanyak 50 peratus, berbanding tahun sebelumnya.

Itu, katanya, tidak termasuk rekod peningkatan 50 peratus kemasukan pelancong dari negara tembok besar tersebut dalam enam bulan pertama tahun ini.

Tambah Guan Eng, penglibatan kontraktor-kontraktor dari China menerusi Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang dan Projek Pembesaran Loji Takungan Air Mengkuang yang masing-masing bernilai RM4.5 bilion dan RM1.2 bilion turut menyumbang pada kebanjiran pelancong negara itu di negeri ini.

"Kerajaan Negeri yakin dengan pemeteraian projek ini akan dapat mengukuhkan lagi hubungan perdagangan China – Pulau Pinang.

"Dengan menandatangani projek infrastuktur awam terbesar dalam sejarah Pulau Pinang bersama syarikat kontraktor dari China bagi membina empat buah lebuh raya utama negeri yang bernilai RM6.3bilion, termasuklah pembinaan terowong dasar laut pertama di Malaysia dengan menghubungkan Persiaran Gurney dan Bagan Ajam," ujar Guan Eng.

Guan Eng yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih berkata, perkembangan terbaru ini diharap memberi manfaat serta menjadi titik permulaan baru bagi hubungan dua hala China dan Pulau Pinang.

# 50 rai Pesta Demokrasi Tempatan 2013 SUARAM dalam hujan

Oleh: **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN** - Hampir 50 anak muda dalam hujan yang renyai tetap meraikan Pesta Demokrasi Tempatan 2013 anjuran Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) Pulau Pinang di perkarangan Dataran Pidato, Padang Kota Lama di sini baru-baru ini.

Keraian dimulakan dengan deklamasi sajak daripada Ksatriya, diikuti, persembahan *hip-hop* oleh *MõBeat* yang diteraju oleh pasangan pengacara, Sugeindhiran dan Teh Yeu Shu.

Dua aktivis demokrasi asing, Shannon Frances dan Mark Walker antara yang hadir pada majlis interaktif tersebut.

"Walaupun negara asal saya, Amerika Syarikat, juga mempunyai masalah dari segi politik, ia adalah berbeza kerana kita dapat menyelesaikan secara terbuka tanpa khuatir kerana kami mempunyai kebebasan bersuara untuk berdialog perbezaan pendapat," ujar Shannon di sini.

Beliau turut melahirkan penghargaan kepada penganjur kerana meraikan komuniti minoriti dari kalangan Orang Kurang Upaya (OKU) serta peserta lain dalam keadaan hujan yang renyai.

Acara kemuncak adalah gimik membuang kertas undi ke dalam kotak mengundi sebagai simbolik menyokong semua usaha menyuburkan demokrasi tempatan.

Pesta yang berlangsung sehingga 15 Disember depan antara lain turut menganjurkan program Lawatan Demokrasi Tempatan pada 12 Oktober, Latihan Pemandu Pelancong pada 19 Okt, Bengkel Video (26 dan 27 Oktober), Bengkel Komuniti (9 dan 23 November), Forum Pemilihan JKKK (16 November), Kem Aktivisme Kreatif 29 November hingga 1 Disember) dan Parlimen Muda (13 hingga 15 Disember) serta Pustaka Demokrasi Rakyat yang berterusan menerusi laman sosial *Facebook*.



AKSI kumpulan *MõBeat* yang memeriahkan acara *busking* di Medan Renong, walaupun dalam hujan lebat.



SEMUA tetamu jemputan menyempurna majlis membuang undi sokong pada kempen demokrasi tempatan di sini baru-baru ini.

Berikut adalah program-program sepanjang berlangsungnya festival:

| Aktiviti | Tarikh & Masa | Penerangan | Catatan |
|---|---|---|---|
| Majlis Pelancaran & *Busking* | 5 Oktober<br>6.00 petang – 9.00 malam. | Majlis Pelancaran *Local Democracy Festival 2013.* | Acara terbuka untuk awam. |
| *Democratic Heritage Tour* | 13 Oktober<br>9.00 pagi – 3.00 petang. | Lawatan sekitar bandar George Town di kendalikan ahli sejarahawan, Dato Anwar Fazal. | Terhad kepada 30 peserta sahaja. |
| Bengkel Video | 26 & 27 Oktober<br>9.00 pagi – 5.00 petang. | Bengkel video selama 2 hari untuk mempelajari cara-cara pembuatan serta suntingan video dengan memfokuskan kepada agenda demokrasi. | Penyertaan menerusi pendaftaran. |
| Bengkel Komuniti | 9 November & 23 November<br>9.00 pagi – 5.00 petang. | Bengkel separuh hari bagi sesiapa yang berminat untuk mengetahui:<br>i. Mengetahui hak-hak anda<br>ii.Tadbir urus kerajaan dan rakyat | Penyertaan terbuka. |
| Forum Pilihanraya Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan (JKKK) | 16 November<br>8.00 malam – 10.00 malam. | Forum bersama wakil-wakil dari Pulau Pinang, Perak dan Selangor bagi membincangkan pengalaman, kemungkinan serta cabaran di masa hadapan. | Penyertaan terbuka. |
| Kem Aktivisme Kreatif | 29 November – 1 Disember<br>8.00 malam – 5.00 petang. | Kem bagi menggalakkan penglibatan belia dalam menentukan, menyampaikan dan melibatkan diri dalam demokrasi tempatan melalui pendekatan inisiatif. | Penyertaan menerusi pendaftaran.<br>Terbuka kepada mereka berumur 18 hingga 25 tahun sahaja.<br>Terhad kepada 30 penyertaan sahaja. |
| Parlimen Belia | 13-15 Disember<br>8.00 pagi – 5.00 petang. | Para belia berpeluang bercakap di Dewan Undangan Negeri di mana mereka sekali lagi akan membahaskan beberapa resolusi yang akan memberi kesan kepada masyarakat setempat. | Penyertaan menerusi pendaftaran. Terbuka kepada mereka yang berumur 18 hingga 25 tahun.<br>Terhad kepada 30 penyertaan sahaja. |
| | | | |

## KM rasmi *Complex Cardiovascular Intervention*



KETUA Menteri menerima cenderamata dari Pengerusi *Complex Cardiovascular Intervention 2013,* Dr Simon Lo baru-baru ini.

Oleh: **MARK JAMES**

**SIHAT...** Institusi kesihatan diseru berganding bahu dengan Kerjaan Negeri demi menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan rakyat.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian semasa menyempurna majlis perasmian *Complex Cardiovascular Intervention 2013* di Batu Feringghi baru-baru ini.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 senantiasa mencari jalan untuk memperbaiki kualiti hidup rakyat ke arah merealisasikan kempen Pulau Pinang Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat.

**TAWARAN PROJEK PERUMAHAN KOS RENDAH/KOS SEDERHANA RENDAH**

**SENARAI PEMOHON BERJAYA**
**PROJEK : PARK VIEW RESIDENCES, SEBERANG PERAI TENGAH**
**TARIKH PEMILIHAN : 27 OGOS 2013**

| BIL | NAMA | NO KAD PENGENALAN | ALAMAT | TARIKH MENDAFTAR | TARIKH KEMASKINI |
|---|---|---|---|---|---|
| | **MELAYU** | | | | |
| 1 | MAT RUDIN B HAMID | A230XXXX/70070102XXXX | TKT 5-11 PANGSA PPR AMPANG JAJAR PERMATANG PAUH BKT MERTAJAM 13600 P.PINANG | 10/10/2005 | 16/03/2011 |
| 2 | ROZITA BINTI MAHAMAD MANSOR | A286XXXX/74081407XXXX | 3715 MUKIM 5 G SEMAMBU BKT MERTAJAM 14000 SEBERANG PERAI TENGAH | 10/10/2005 | 12/01/12 |
| 3 | ZAINI BIN LAZIM | A085XXXX/66031607XXXX | KOT 1296 JLN 12 MK 16 MACHANG BUBUK BKT MERTAJAM 14000 SEBERANG PERAI TENGAH | 05/12/2005 | 14/08/2012 |
| 4 | MOHD ARQAM ALFIRDAUS B. AHMAD MAHIUDIN | 86021135XXXX | 22 LRG MARKISAH 10 TMN MARKISAH BUKIT MINYAK BUKIT MERTAJAM 14000 PULAU PINANG | 12/02/2006 | 09/02/10 |
| 5 | NOOR SHAHIDAH IKTALLIE BT ABDULLAH | 79062607XXXX | NO.6 LRG SMBILANG 6 SEBERANG JAYA PRAI 13700 SEBERANG PERAI TENGAH | 16/02/2006 | 04/03/13 |
| 6 | ZUKRI BIN AHMAD | A307XXXX/75012502XXXX | 2991 KAMPUNG SIAM JLN KEBUN SIREH BKT MERTAJAM BUKIT MERTAJAM 14000 PULAU PINANG | 22/03/2006 | 16/05/2012 |
| 7 | SHAHRULNIZAM B JUHARI | A372XXXX/77052402XXXX | TKT 8-23 PANGSA PPR AMPANG JAJAR PERMATANG PAUH BKT MERTAJAM 13500 SPT | 26/06/2006 | 16/03/2011 |
| 8 | ROSLAN BIN HJ ISMAIL | 80022007XXXX | A-3-1 TMN SERI DELIMA JURU SEBERANG PERAI TENGAH 14000 P.PINANG | 05/07/2006 | 20/01/2010 |
| 9 | YUSMANIZA BT YAHAYA | 81110107XXXX | 334 KG BAGAN SERAI PERMATANG PAUH BKT MERTAJAM 13500 SPT | 07/07/2006 | 04/11/11 |
| 10 | MOHD ROSMI BIN AHMAD RAWANG | 85100307XXXX | G-05 BLOK C APARTMENT PERMATA JLN PERDA UTAMA BANDAR PERDA 14000 SPT | 08/08/2006 | 08/02/11 |
| 11 | GHULAM GHOUSE B ISMAIL | 546XXXX/58082007XXXX | B-3-33 PANGSAPURI AMPANG JAJAR JLN PMTG PAUH 13500 BKT MERTAJAM | 08/09/2006 | 22/02/2012 |
| 12 | ROSNAH BT MASRI | 82050707XXXX | NO.28 LRG PAYA 3 SIMPANG 3 BERAPIT 14000 BM | 11/09/2006 | 12/03/10 |
| 13 | SURAYA BINTI ABDUL WAHAB | 79082507XXXX | NO 20 PINTAS SEMBILANG 9 SEBERANG JAYA 13700 SPT | 18/09/2006 | 08/01/13 |
| 14 | JASNI BIN YEOP | A346XXXX/76041508XXXX | E-3-21 TMN SRI PAUH PERMATANG PAUH BKT MERTAJAM 13500 SPT | 07/11/2006 | 15/05/2008 |
| 15 | NORHAFIZAH BT HASIM | 81091102XXXX | NO 9 LRG SEMBILANG 18 SEBERANG JAYA PRAI 13700 SPT | 29/11/2006 | 16/04/2008 |
| 16 | SALWANI BT ABDUL AZIZ | 81010103XXXX | 88 LENGKOK SIAKAP 5 SEBERANG JAYA 13700 P.PINANG | 11/12/2006 | 13/12/2011 |
| 17 | HAMDEN BIN SALIM | 67081612XXXX | 24 TINGKAT 3 LRG TENGGIRI 1 BLOK E SEBERANG JAYA 1370 SPT | 12/12/2006 | 14/04/2008 |
| 18 | ABD ZALIL BIN ABU BAKAR | 67061507XXXX | 649 MUKIM 21 GUAR JERING BKT MERTAJAM 14400 SPT | 20/12/2006 | 08/04/09 |
| 19 | SHAHANASLITA BT OTHMAN | 74041214XXXX | BLOK A-9-06 PANGSAPURI AMPANG JAJAR JLN PMTG PAUH, BM 13500 SEBERANG PERAI | 22/12/2006 | 24/02/2012 |
| 20 | AZIZON BT AHMAD | 70110402XXXX | 757 PMTG TOK SUBUH BKT MINYAK 14000 SEBERANG PERAI | 09/10/2007 | 23/01/2013 |
| 21 | NOOR HISHAM BIN JUSOH | A354XXXX/76022807XXXX | 3164 KG TUN SARDON BKT MERTAJAM 14000 SPT | 22/01/2007 | 30/04/2012 |
| 22 | MUHAMMAD KHAIRI BIN KHALID | A307XXXX/75062107XXXX | PLOT41 LORONG JANGGUS 4 PERMATANG PAUH BKT MERTAJAM 13500 SPT | 07/02/2007 | 24/03/2011 |
| 23 | LAILA BINTI SHAFIE | 70122107XXXX | 558 MUKIM 5 PERMATANG ARA BM 14000 P.PINANG | 22/02/2007 | 11/07/08 |
| 24 | AHMAD BIN ALI | A255XXXX/73120807XXXX | 538 KAMPUNG SEKOLAH JURU BM 14000 SPT | 20/03/2007 | 24/04/2013 |
| 25 | KHAIRUDIN BIN ISMAIL | 80051202XXXX | 23 JLN NIPAH TMN HJ MOHD AMIN PERMATANG PAUH 13500 SPT | 19/04/2007 | 08/10/09 |
| 26 | MOHAMAD HAFIZ B ABDUL RAHIM | 83121007XXXX | NO. 17 LORONG TENGGIRI 13 BANDAR SEBERANG JAYA PRAI 13700 P.PINANG | 25/04/2007 | 18/04/2013 |
| 27 | MOHAMAD HAZRUL SHAHFARIN | 82073002XXXX | BLOK E-G-17 LRG PAUH 1 PAUH DAMAI PERMATANG PAUH 13500 BUTTERWORTH | 20/05/2007 | 26/03/2012 |
| 28 | JAMIL BIN MOHAMED | 79022107XXXX | NO.1234 MUKIM 20 KUBANG ULU PENANTI GET. BUKIT MERTAJAM 14400 SPT | 22/05/2007 | 18/01/2012 |
| 29 | HAYATI BINTI HNAFIAH | A130XXXX/69042702XXXX | NO 9LORONG 6 PENANTI KUBANG SEMANG 14000 BM | 14/06/2007 | 31/05/2012 |
| 30 | ABDUL AHIM BIN MOHAMAD | A318XXXX/75090508XXXX | BLOK B-1-07 LORONG BKT MINYAK 20 TMN BUKIT MINYAK INDAH 14000 SPT | 13/07/2007 | 15/05/2009 |
| 31 | MOHD ZAIDI BIN HARUN | 81090707XXXX | 1547 MUKIM 6 KAMPUNG BELAH DUA PERMATANG PAUH BM 13500 SEBERANG PERAI | 23/07/2007 | 20/04/2009 |
| 32 | RASHIDAH BINTI MOHD RASHIDI | A342XXXX/76092708XXXX | NO. 9 LRG GUAR PERAHU BM 14400 BUTTERWORTH | 09/08/2007 | 24/04/2012 |
| 33 | SALMI BIN HAMID | A131XXXX/69031007XXXX | BLOK B TKT 3-27 PANGSAPURI AMPANG JAJAR PMTG PAUH BM 13500 | 10/08/2007 | 15/05/2012 |
| 34 | AMINAH BI BT MD ISMAIL | A144XXXX/69091008XXX | TBP 5527 MK 20 KG KUBANG ULU PENANTI BM 14000 P.PINANG | 10/08/2007 | 20/06/2011 |
| 35 | SUKRI BIN MOHD SADRI | 79011808XXXX | BLOK A-4-12A TINGKAT IMPIAN INDAH 3 TMN IMPIAN INDAH ALMA BM 14000 SPT | 06/09/2007 | 10/05/12 |
| 36 | AHMAD RASHIDI BIN RASHID | A310XXXX/75091407XXXX | BLOK R-3-12 APARTMENT PERMATA BANDAR PERDA BM 14000 SPT | 02/10/2007 | 05/01/12 |
| 37 | AZIZUL BIN HASSAN | A125XXXX/69110809XXXX | BLOK A6-G-10 LORONG TUNA SEBRANG JAYA 13700 SPT | 09/10/2007 | 20/06/2012 |
| 38 | ISHAK BIN SHARIF | A131XXXX/69042507XXXX | 1458 KG KIJANG ALAM BM 14000 SPT | 16/11/2007 | 04/12/07 |
| 39 | RAJIB BIN ABUL RAHMAN | RF/T1XXXX | QTRS POLIS DAERAH SPT JALAN PERDA UTAMA BM 14000 SPT | 28/12/2007 | 14/01/2013 |
| 40 | MOHD FAIZAL BIN HASHIM | 81080107XXXX | 5552 MK 20 SUNGAI SEMAMBU 14000 P.PINANG | 28/12/2007 | 14/01/2013 |
| 41 | EFFENDI BIN YAACUB | 83112507XXXX | 647 MUKIM 20 SUNGAI SEMAMBU 14000 P.PINANG | 31/12/2007 | 31/12/2007 |
| 42 | HAMIDUN BIN ABDUL HAMID | 80101007XXXX | 664 MK 6 JALAN PENGKALAN BKT TENGAH 14000 BM | 03/01/2008 | 17/05/2013 |
| 43 | NOOR AZLINA BT ISMAIL | 81122007XXXX | 759 MK2 SAMA GAGAH PERMATANG PAUH BKT MERTAJAM 13500 SPT | 07/01/2008 | 23/01/2013 |
| 44 | MOHAMAD FIRDAUS BIN OMAR | 88051635XXXX | 584 MK 19 PENANTI ESTATE BM 14000 SPT | 16/01/2008 | 16/01/2008 |
| 45 | MOHD SOBRI BIN AHMAD | A379XXXX/77080202XXXX | 23 LRG ALMA JAYA 14000 BM | 21/01/2008 | 21/01/2008 |
| 46 | ROHANA BINTI ISMAIL | A098XXXX/68052007XXXX | 4492 P-2 JALAN PADANG LALANG BM 14000 SPT | 24/01/2008 | 24/01/2008 |
| 47 | MOHD AKMAL BIN AWANG KECHIK | A379XXXX/77033102XXXX | NO.31 LRG SEMBILANG 5 SEBERANG JAYA 13700 SPT | 31/01/2008 | 31/01/2008 |
| 48 | ZURAIDA BT ZAINOL | 80081007XXXX | 102BLOK 3 QTRS SEBERANG JAYA PRAI 13700 SPT | 11/02/2008 | 11/02/08 |
| 49 | HASMA BT MD NOOR | A009XXXX/65041407XXXX | 1507-1 MUKIM 10 KG BKT KECIL BM 14000 SPT | 19/02/2008 | 22/03/2011 |
| 50 | AZMAN BIN YAHAYA | 602XXXX/60112308XXXX | 2274 MUKIM 19 MENGKUANG TITI BM 14000 SPT | 25/02/2008 | 25/02/2008 |
| 51 | HASLIZA BT HUSIN | 81063007XXXX | BLOK F-3-14 APT PERMATA BANDAR BARU PERDA 14000 P.PINANG | 26/02/2008 | 24/07/2010 |
| 52 | MOHD FAZLI BIN GHAZALI | A220XXXX/72061207XXXX | 2963 KAMPUNG PERMATA PERMATANG PAUH BM 13500 SPT | 26/02/2008 | 26/02/2008 |
| 53 | ASHRUL BIN ROSLAN | 85070314XXXX | F-3-14 APARTMENT PERMATA BANDAR BARU PERDA BM 135000 SPT | 26/02/2008 | 15/08/2010 |
| 54 | MAZZIANA BT MAZUKEI | 80022907XXXX | 239 MK 4 PERMATANG PAUH BM 13500 SPT | 03/03/2008 | 03/03/08 |
| 55 | NORLIZA BT MANSOR | 86093035XXXX | 3146 MK 3 KAMPUNG PELET KUBANG SEMANG 14000 BM | 03/03/2008 | 07/08/12 |
| 56 | NOORHAYATI BINTI SAARI | 80122307XXXX | NO.17 RUMAH PANJANG TRANSIT AMPANG JAJAR PMTG PAUH BM 13500 SPT | 03/03/2008 | 03/03/08 |
| 57 | MOHD ZULKEFLI BIN MANSOR | A255XXXX/73110507XXXX | 3087 MK 12 KG SEKOLAH JURU BM 14000 SPT | 03/03/2008 | 23/01/2013 |
| 58 | SHAHINA BT ADAM | 78102611XXXX | 444 KAMPUNG TOK PANJANG BKT TENGAH 14000 SPT | 04/03/2008 | 19/12/2012 |
| 59 | MOHD FAIZAL BIN KHALID | A370XXXX/77092307XXXX | TS 3517 MK 20 PENANTI KUBANG SEMANG BM 14400 SPT | 07/03/2008 | 24/02/2012 |
| 60 | HAMIDAH BINTI IBRAMSAH | A320XXXX/76021507XXXX | NO.12 LRG SEMBILANG 34 SEBERANG JAYA PRAI 13700 SPT | 11/03/2008 | 23/01/2013 |
| 61 | HASSWARD SAFARIL BIN HASSAN | 80122607XXXX | NO JKR 155 BLOK 1 JLN TANAH LIAT BERAPIT BM 14000 SPT | 11/03/2008 | 11/03/08 |
| 62 | MOHD AZRUL SHARIZAL BIN MOHD AZIZIN | 79080607XXXX | 515 MK 3 PMTG PASIR PMTG PAUH BM 13500 SPT | 13/03/2008 | 13/03/2008 |
| 63 | MOHD KHAIRUDIN BIN RAMLY | 82090902XXXX | 891 N/TO MUKIM 6 PMTG BATU BKT TENGAH BM 14000 SPT | 13/03/2008 | 13/03/2008 |
| 64 | SHAIFUL BIN ISMAIL | 79111110XXXX | 2056 MK3 KG PETANI PENANTI BM 14000 SPT | 13/03/2008 | 13/03/2008 |
| 65 | HASLINDA BT ABU HASSAN | 85010707XXXX | NO.1767 MK14 JLN MEGAT HARUN KG BARU ALAM 14000 P.PINANG | 14/03/2008 | 28/05/2008 |
| 66 | HASLINA BT ABU HASSAN | A200XXXX/71091007XXXX | NO.1767 MK14 JLN MEGAT HARUN KG BARU ALAM 14000 P.PINANG | 14/03/2008 | 29/05/2008 |
| 67 | MOHD FARIZAL BIN MOHD FAZIL | 86090126XXXX | SB 1390 UNIT 2 KG PERTAMA PMTG PAUH BM 13500 SPT | 17/03/2008 | 30/07/2013 |
| 68 | MOHD FAZIL BIN HJ KARMANI | A009XXXX/65041407XXXX | SEBELAH TS 322 PBA (A) KG PERTANA PMTG OAUH BUKIT MERTAJAM 13500 SPT | 17/03/2008 | 17/03/2008 |
| 69 | SUHARTINI BT HAMZAH | 83032308XXXX | 3-09- LRG SENTUL 12 TMN BKT MINYAK INDAH ALMA 14000 SPT | 24/03/2008 | 24/03/2008 |
| 70 | OSMAN BIN HASHIM | 78040207XXXX | 1229 LRG PADANG TEMUSU 10 BM 14400 SPT | 24/03/2008 | 09/09/09 |

| BIL | NAMA | NO KAD PENGENALAN | ALAMAT | TARIKH MENDAFTAR | TARIKH KEMASKINI |
|---|---|---|---|---|---|
| | **CINA** | | | | |
| 1 | TAN CHEE WENG | 82031507XXXX | NO. 16 LORONG SENTUL JAYA 13 TMN SENTUL JURU 14000 BUKIT MERTAJAM | 06/03/2012 | 20/3/2012 |
| 2 | SEW YEOW CHONG | A294XXXX/74102207XXXX | BLOK K-3-11 JLN JENAHAK TMN TUN HUSSEIN ONN, PRAI 13700 SEBERANG PRAI TENGAH | 13/08/2001 | 20/06/2012 |
| 3 | CHUAH HUI CHYN | 85041108XXXX | NO. 29-B, LORONG AMRA SATU TAMAN AMRA 14000 BUKIT MERTAJAM | 13/08/2001 | 20/06/2012 |
| 4 | LOH BENG CHUANG | A117XXXX/68121307XXXX | B-1-09 TINGKAT IMPIAN INDAH ALMA 14000 P. PINANG | 18/03/2002 | 01/02/2013 |
| 5 | KHOR SOOK FERN | A379XXXX/78032107XXXX | NO. 30, LORONG SRI JANGGUS 3 TAMAN SRI JANGGUS 14000 BUKIT MERTAJAM | 15/07/2003 | 02/11/2012 |
| 6 | TEH POH LING | A285XXXX/74101908XXXX | 35, LORONG SUTERA 6 TAMAN SUTERA SEBERANG JAYA, PERAI 13700 P.PINANG | 21/02/2004 | 18/04/2013 |
| 7 | NG SIEW HUAT | A073XXXX/67071207XXXX | 1838, JALAN BERAPIT BUKIT MERTAJAM 14000 SEBERANG PRAI TENGAH | 27/02/2004 | 23/01/2013 |
| 8 | ONG MUI LEONG | 74060812XXXX | 31, LORONG MACHANG 5 TAMAN MACHANG MANIS MERTAJAM 14000 SEBERANG PRAI TENGAH | 07/04/2004 | 05/04/2012 |
| 9 | KOO MENG HUAT | 78020807XXXX | A-G-10, TINGKAT IMPIAN INDAH 3 TAMAN IMPIAN INDAH ALMA, BUKIT MERTAJAM 14000 SPT | 19/05/2004 | 26/03/2012 |
| 10 | JOSEPH CHAN TUN SHIN | 80022007XXXX | 8,LORONG BUNGA KEKWA TAMAN BUNGA KEKWA BUKIT MERTAJAM 14000 SPT | 21/05/2004 | 23/04/2013 |
| 11 | YAP HOCK AUN | 687XXXX/62100607XXXX | 1674, JLN CHEW BOON KHYE BERAPIT BUKIT MERTAJAM 14000 SPT | 26/06/2004 | 04/03/2013 |
| 12 | LAU KIM HONG | A370XXXX/77080407XXXX | 1010, MK 16 MACHANG BUBOK VILLAGE BUKIT MERTAJAM 14020 SPT | 28/09/2004 | 11/07/2013 |
| 13 | CHEAH KIM LIN | A332XXXX/76060107XXXX | 3 JLN SRI BUKIT BUKIT MERTAJAM 14000 P.PINANG | 05/10/2004 | 10/10/2011 |
| 14 | KELVIN CHONG YOON MENG | A220XXXX/72050114XXXX | NO. 72, LORONG SUKUN INDAH 3 TAMAN SUKUN INDAH BUKIT MERTAJAM 14000 P.PINANG | 08/08/2005 | 18/04/2013 |
| 15 | TEOW CHONG SOON | 83082607XXXX | 26-B2, LEBUH KERANJI TAMAN MUTIARA BUKIT MERTAJAM 14000 SPT | 05/07/2006 | 23/03/2012 |
| 16 | WANG KUAN LUNG | 79111507XXXX | 707, JALAN TUN HUSSEIN ONN SEBERANG JAYA PRAI 13700 SEBERANG PRAI TENGAH | 07/08/2006 | 07/05/2009 |
| 17 | LIEANG YIT SIEN | A254XXXX/73072007XXXX | 994, JALAN 2 MACHANG BUBOK BUKIT MERTAJAM 14020 PULAU PINANG | 03/10/2006 | 10/06/2013 |
| 18 | WONG CHEE PHUN | A254XXXX/73052407XXXX | 6, LORONG BUDIMAN 8 TAMAN BUDIMAN BUKIT MERTAJAM 14000 SPT | 06/11/2006 | 11/02/2008 |
| 19 | TANG KOOI LENG | 82100907XXXX | NO 52, JALAN KIKIK TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI | 12/01/2007 | 06/05/2009 |
| 20 | CHOO WEN CHUNG | 86060735XXXX | 5439 PLOT 6 JALAN PENGKALAN, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM | 29/01/2007 | 06/03/2008 |
| 21 | TAN SEH YEN | 83121907XXXX | 5, JLN PAYA SIMPANG TIGA BKT MERTAJAM 14000 SPT | 04/07/2007 | 23/01/2013 |
| 22 | LIEW MONG WAH | 81020914XXXX | 5853 MK 11, KEBUN SIREH BUKIT TENGAH, BUKIT MERTAJAM 14000 SPT | 03/08/2007 | 10/09/2009 |
| 23 | TEH TAN CHENG | A274XXXX/74050902XXXX | 24, TAMAN BUKIT MINYAK LORONG BUKIT MINYAK 5 BUKIT MERTAJAM 14000 P.PINANG | 07/11/2007 | 07/03/2011 |
Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mohd. Rashid Hasnon berkata, 83.5 peratus atau 1,245 peminjam PTSR adalah Melayu, Cina (7.6 peratus atau 114 peminjam) dan India (8.9 peratus atau 132 peminjam).

"Apa yang lebih menarik, sudah tentu skim ini dipinjamkan tanpa 'bunga' (riba), di samping, tiada cagaran yang perlu dibuat," ujar Mohd. Rashid di sini baru-baru ini.

Mohd. Rashid yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak berkata demikian pada Majlis Penyerahan Pinjaman PTSR kali kelima kepada 49 penerima baru-baru ini.

Hadir sama pada majlis penyerahan tersebut, Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri menawarkan pinjaman mikro kredit serendah RM1,000 hingga RM10,000 demi membantu para peniaga kecil mengembangkan prospek perniagaan masing-masing.

Atas inisiatif Kerajaan Negeri ini, beliau berkata, pihaknya berharap semua penerima dapat membayar balik pinjaman masing-masing mengikut jadual yang dipersetujui bersama demi memudahkan peniaga-peniaga lain untuk membuat pinjaman serupa pada masa hadapan.

Itu, katanya, termasuk inisiatif Kerajaan Negeri melantik pegawai PTSR untuk pergi ke premis perniagaan peminjam pada tiap-tiap bulan bagi memungut balik dana yang dipinjam.

Sementara itu, Abdul Mutalib Hanafi, 56, yang ditemui kemudian berkata, beliau akan menggunakan dana pinjaman mikro kredit tersebut sebagai modal perniagaan nasi campurnya di Taman Teluk dekat Teluk Kumbar.

"Mengikut perancangan, saya akan membeli peralatan-peralatan baru seperti kerusi, meja dan barangan keperluan lain yang sudah rosak dan perlu diganti bagi memenuhi keselesaan pelanggan gerai saya," ujar beliau sambil merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri.

Seorang lagi penerima, Yeoh Teoh Yong, 42, berkata, RM4,000 pinjaman yang diterimanya itu akan digunakan untuk menambah stok pinggan mangkuk di kedai beliau yang terletak di Nibong Tebal.



**MOHD. Rashid Hasnon (berdiri, barisan hadapan, tengah) sempat beramah-mesra bersama sebahagian penerima pinjaman Projek Titian Saksama Rakyat dekat sini baru-baru ini.**

Penerima lain, C. Devika Chandrasegar, 28, berharap pinjaman tersebut dapat memajukan salun milik beliau.

"Tujuan pinjaman ini dilakukan adalah untuk membeli mesin dan peralatan keperluan lain di salun saya, tambahan pula, saya hanya baru memulakan perniagaan pada bulan Jun lalu," ujar beliau.

**MOHD. Rashid Hasnon (kanan) menyerahkan dana pinjaman Projek Titian Saksama Rakyat kepada Abd. Mutalib Hanafi (kiri) dalam satu majlis di sini baru-baru ini.**



# *GUPPY* teraju Program Sisa Sifar Industri MPSP

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BUKIT TENGAH** – *Guppy* atau Guppy Industries Sdn. Bhd. antara tiga kilang di Seberang Perai yang mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan Program Sisa Sifar Industri bagi mengurangkan kesan jejak karbon dari kilang.

Pengurus kilang *Guppy,* Tan Teik Huat berkata, inisiatif ini diambil bagi membantu Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengurangkan penjanaan sisa pepejal dari hasil industri.

"Menyedari sektor perindustrian menghasilkan sisa pepejal yang banyak, *Guppy,* berusaha mengambil inisiatif bagi menjayakan matlamat pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan.

"*Guppy,* berharap inisiatif ini dapat menjadi contoh kepada syarikat-syarikat industri yang lain supaya bersama-sama mengurangkan penjanaan hasil pepejal," katanya pada Majlis Pelancaran Program Sisa Sifar *Guppy,* dekat Kawasan Perusahaan Bukit Tengah di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif turut hadir pada majlis tersebut.

Maimunah ketika memberikan ucapan berkata, langkah *Guppy,* patut dipuji memandangkan penjanaan sisa pepejal akan mempercepatkan kepadatan tapak pelupusan sampah.

"MPSP mensasarkan untuk mengurangkan penjanaan sisa pepejal sebanyak lima peratus berbanding jumlah sampah yang dijanakan pada tahun lepas.

"Dengan inisiatif *Guppy,* ini, diharapkan dapat membantu MPSP menjayakan sasaran tersebut," katanya.

Katanya lagi, sebanyak RM74.1 juta telah dibentangkan dalam Bajet 2014 MPSP untuk pengurusan sisa pepejal.

"Peruntukan yang dibentangkan untuk pengurusan sisa pepejal sangat tinggi... telah tiba masanya syarikat-syarikat industri yang lain mengikut jejak *Guppy,* bagi membantu MPSP mengurangkan peruntukan tersebut," katanya lagi.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (kanan) menyampaikan sijil penyertaan kepada pengurus kilang *Guppy,* Tan Teik Huat di sini baru-baru ini.

Pun begitu, katanya, sehingga kini, hanya tiga kilang bersama-sama MPSP dalam Program Sisa Sifar, manakala, 132 buah kilang lain di Seberang Perai terlibat dalam program kitar semula.

Dalam perkembangan lain, *Guppy,* menyumbangkan 595 helai *poncho* kepada MPSP, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Bukit Tengah, Jabatan Pertahanan Awam (JPA), Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia (PBSMM) Seberang Perai Tengah dan Pasukan Peronda Sukarela (PPS).

Sisa sifar merupakan satu program yang menekankan amalan tiada sisa basah yang dibuang, tetapi, diasingkan untuk dijadikan kompos atau biogas, selain, usaha kitar semula sisa pepejal itu.

## PUSAT KUTIPAN KOMPUTER TERPAKAI DI PULAU PINANG

| No | Pusat Kutipan | Lokasi | Tarikh | Waktu |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Sunshine Farlim Shopping Mall (Tel: 04- 827 1111 Mr. Wong / Ms. Sim) | 294, Jalan Thean Teik, 11500 Ayer Itam | Setiap hari Khamis kecuali hari cuti umum | 7.00 pm – 9.30 pm |
| 2 | Sunshine Square Bayan Baru (Tel: 016-421 1112 Mr. Gary Gan) | Pintu masuk berhadapan dengan pasar MPPP Bayan Baru | Setiap hari Jumaat kecuali hari cuti umum | 7.00 pm – 9.30 pm |
| 3 | Stor Pembersihan Kampung Jawa Baru (Tel: 04-228 4284 En. Bahari) | Stor MPPP, Jalan Kampung Jawa Baru, 10150 Georgetown | Setiap hari Isnin hingga hari Sabtu kecuali hari cuti umum | 8.00 am – 5.00 pm |
| 4 | Pusat Panggilan Nama MPPP Jalan Chai, Balik Pulau (Tel: 016-4556712 En. Vasu) | Kontena MPPP, Jalan Chai, 11000 Balik Pulau | Setiap hari Isnin hingga hari Sabtu kecuali hari cuti umum | 10.00 am – 11.30 am & 2.30 pm – 4.00 pm |
| 5 | Pusat Panggilan Nama MPPP Jalan Oldham, Tanjung Bungah (Tel: 012-445 4054 En. Zamzuri) | Kontena MPPP, Jalan Oldham, 11200 Tanjung Bungah | Setiap hari Isnin hingga hari Sabtu kecuali hari cuti umum | 10.00 am – 11.30 am & 2.30 pm – 4.00 pm |
| 6 | Rukun Tetangga Island Park (Green Lane Area) (Tel: 012-493 0510 Dato' Dr. Ong) | 33 Medan Tembaga, 11600 Penang. | Hari Ahad yang ke-empat kecuali hari cuti umum | 10.00 am – 12.00 pm |
| 7 | Rukun Tetangga Kawasan Kulit Lembu (Dato' Keramat Area) (Tel: 013-481 7344 Mr. Chew) | Pusat Kutipan Kitar Semula 389-A Jalan Samak, 10150 Georgetown | Hari Ahad yang terakhir setiap bulan kecuali hari cuti umum | 9.00 am – 11.00 am |
| 8 | Rukun Tetangga Taman Guan Joo Seng (Tel: 016-421 6577 Mr. Eddie) | Jalan Mas, 11600 Georgetown (berhadapan dengan Sekolah Menengah Convent Green Lane) | Hari Ahad yang terakhir setiap bulan kecuali hari cuti umum | 10.00 am – 12.00 pm |
| 9 | Malaysian Nature Society, Penang Branch (Tel: 04-227 3673 Mr. Kanda) | 673-B Jalan Kebun Bunga, 10350 Georgetown | Setiap hari Isnin hingga hari Sabtu kecuali hari cuti umum | 8.00 am – 11.00 am |
| 10 | Cerebral Palsy (Spastic) Children's Association of Penang (Tel: 04-657 0160 Mr. Saw / Puan Valli) | 425, Jalan Masjid Negeri, 11600 Georgetown | Setiap hari Isnin hingga hari Jumaat Setiap hari Sabtu Kecuali hari cuti umum | 9.00 am – 4.00 pm 9.00 am – 12.00 pm |
| 11 | Rukun Tetangga Bayan Baru (Tel: 016-420 8602 Uncle Chai) | Medan Mayang Pasir, 11950 Bayan Baru | Setiap hari Isnin hingga hari Sabtu | 6.00 pm – 7.00 pm |

## PELUANG KERJAYA

Jawatan: **Pengurus Projek**

**Kelayakan Akademik**

- Ijazah Sarjana Muda atau Ijazah Sarjana dalam bidang pengurusan alam sekitar dan persekitaran atau yang berkaitan dengannya, mempunyai pemahaman dalam ekonomi alam sekitar, proses pengurusan projek karbon, pasaran karbon dan perancangan pengurangan sisa.

**Pengalaman**

- Lima (5) tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan pengurusan alam sekitar, polisi, pendidikan, dan digalakkan mempunyai pengalaman dalam pembangunan perancangan karbon.

Maklumat lanjut di : *www.pgc.com.my*

Tarikh tutup permohonan : **30 Oktober 2013**

(Hanya calon-calon yang disenaraipendek akan dipanggil untuk temuduga.)

# *Penang Bridge International Marathon 2013* tutup jambatan 17 Nov. - Exco

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Jambatan Pulau Pinang akan ditutup pada 17 November depan bermula jam 1.00 pagi hingga 10.30 pagi bagi memberi laluan pada berlangsungnya *Penang Bridge International Marathon 2013*.

Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang berkata, jalan sepanjang bulatan Bayan Baru menuju persimpangan susur keluar ke Batu Uban turut ditutup bermula jam 4.00 pagi hingga 8.00 pagi sahaja, pada hari yang sama.

Katanya lagi, Jalan Persiaran Bayan Indah berhadapan *Queensbay Mall* pula ditutup seawal 12.00 malam hingga 11.30 pagi, iaitu selepas ke semua acara tersebut selesai.

"Perkhidmatan feri akan beroperasi 24 jam, sementara itu, bagi Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, dari Bayan Lepas menghala ke George Town turut akan ditutup dari 1.00 pagi hingga 10.00 pagi.

"Parkir di dalam *Queensbay Mall* turut akan dibuka kepada umum sebelum 12.01 pagi hari berkenaan, namun, peserta harus datang awal memandangkan hanya 2,500 lot parkir terdapat di sini.

"Bas percuma turut disediakan dari Jeti, Komtar hingga ke Tapak Pesta dan dari situ peserta akan dibawa ke *Queensbay Mall* menggunakan van bagi memudahkan semua peserta," ulas beliau lagi dalam satu sidang media di sini.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, *Simplot,* iaitu rangkaian makanan besar sedunia merangkumi negara Australia, Canada, China dan beberapa negara Asia Tenggara akan menaja serta menyediakan sarapan pagi sebaik sahaja peserta tiba di garisan penamat.

Penaja-penaja lain, menurut beliau, antaranya *100 Plus, Nestle Cereal Fitness* dan Milo.




**PELAN aliran trafik yang akan ditutup serta laluan kenderaan awam yang akan dibuka mengikut jadual yang ditetapkan demi kemudahan peserta dan pengunjung *Penang Bridge International Marathon 2013* pada 17 November nanti.**

## 1,200 sertai *Walk for Sight & Sound 2013*

Oleh: **MARK JAMES**

**GEORGE TOWN -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey berkata, infrastruktur bandar George Town wajar terus mengambil kira aspek mesra Orang Kurang Upaya (OKU).



**PANCARAGAM *St.George's Girls School* yang berpakaian seragam serba merah mengetuai jalanan amal kira-kira 1,200 peserta *Walk for Sight & Sound 2013* di sini baru-baru ini.**

Beliau berkata demikian semasa menyertai program amal *Walk for Sight & Sound 2013* bersama-sama 1,200 peserta lain berjalan sejauh 3.8 kilometer dari Taman Perbandaran ke Taman Kebun Bunga, di sini.

"Bandar kita seharusnya direka bentuk untuk memenuhi keperluan semua terutamanya memasuki keperluan golongan OKU, itulah yang Kerajaan Negeri inginkan untuk rakyat Pulau Pinang.

"Jadi, beritahulah kami lokasi yang perlu diberi tumpuan kemudahan OKU dan galakkan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) untuk menyediakan kemudahan itu," ujar beliau baru-baru ini.

Yang Di-Pertua Negeri, Tuan Yang Terutama (T.Y.T) Tun Abdul Rahman Abbas sendiri bersama-sama *St.George's Girls School Band* mengetuai perarakan tersebut yang bermula seawal jam 7.00 pagi.

Hadir bersama, Presiden *Lions Club of Georgetown* Perdana, Melissa Oh.

Soo Huey berkata, inisiatif *Lions Club* selaku penganjur wajar dipuji kerana berjaya mengumpulkan sumbangan amal sebanyak RM30,000, selain, meningkatkan kesedaran mengenai cabaran orang buta mengharungi kehidupan tanpa penglihatan.

Sebelum itu, Melissa Oh berharap model berjalan sambil menutup mata peserta masing-masing dapat menimbulkan rasa prihatin kepada golongan OKU buta.

"Saya berasa gembira seramai 1,200 peserta telah muncul mengambil bahagian, walaupun cuaca tidak sebegitu bagus untuk tujuan yang mulia.

"Saya rasa selepas berjalan dengan mata ditutup, kita mendapati bahawa orang buta mempunyai cabaran melakukan aktiviti seharian yang senang untuk yang tidak buta.

"Kerja amal tidaklah susah. Kepada yang memerlukannya apa-apa sahaja yang boleh, tetapi, yang paling pentingnya berikan mereka masa kerana itulah yang mereka paling hargai," ujar Melissa Oh.

*Walk for Sight & Sound 2013* dianjurkan tiap-tiap tahun sejak lima tahun lepas oleh *Lions Club* dengan sokongan penuh Kerajaan Negeri, MPPP dan Majlis Sukan Negeri (MSN).

## Futsal P.Pinang simbol rai *R4BIA*

Oleh: **AHMAD ADIL MOHAMAD**

**KEMANUSIAAN...** Lebih 50 warga Pulau Pinang menjayakan pesta *Futsal for Freedom* sebagai memberi sokongan kemanusiaan kepada rakyat yang teraniaya dalam situasi tidak menentu di wilayah bergolak Kaherah, Mesir.

Pesta kemanusiaan anjuran Pemuda GEMA Malaysia itu disertai lapan pasukan bagi merebut kejuaraan di gelanggang *Best Bola-Bola* Mak Mandin dekat Butterworth baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri 1, Datuk Mohd. Rashid Hasnon turut hadir dan beraksi menimbang bola di gelanggang utama.

Walaupun jauh dari segi sempadan geografi, semangat *R4BIA* untuk Mesir yang disemarakkan di peringkat dunia turut disambut dengan gaya tersendiri di Pulau Pinang.



**MODH. Rashid Hasnon (tengah) menimbang bola sebagai simbol memberi sokongan kepada inisiatif anak muda menganjurkan *Futsal for Freedom* di sini baru-baru ini.**

# Upah 25sen, Samsuri impi punya pusat urutan tradisional sendiri

**Krew** Jalan-jalan Buletin Mutiara kali ini ingin mencari kelainan dengan menjejaki pengamal perubatan kesihatan tradisional di Teluk Bahang. Ikuti coretan **AINUL WARDAH SOHILLI, IDZHAM AHMAD** dan **SHAWAL AHMED** ke rumah **SAMSURI AHMAD** dekat Teluk Bahang baru-baru ini.

Kehadiran kami di kediaman Samsuri, 52, disambut dengan hujan yang renyai-renyai. Bapa kepada empat cahayamata ini, tidak lokek dengan senyuman dan mudah mesra mempelawa kami untuk duduk di anjung kediamannya berhampiran sungai.

Suasana kampung yang menghijau sememangnya menyamankan. Kami dihidangkan dengan air istimewa yang mengandungi 'kemuning hitam'. Menurut Samsuri, 'kemuning hitam' tidak mengubah warna dan rasa air tersebut tetapi mampu menghilangkan bisa-bisa badan.







SEBAHAGIAN pokok-pokok berdaun yang ditanam di halaman rumahnya untuk kegunaan mandi wap mahupun mengurut.



**Upah 25sen Dinanti**

Memulakan bicara dengan menceritakan mulanya minat beliau terhadap urutan tradisional herba, Samsuri berkata upah 25sen daripada neneknya menaikkan semangatnya untuk mengikuti neneknya ke mana sahaja, sama ada mencari akar kayu di hutan mahupun ke rumah-rumah pesakit.

"Masa itu sekitar tahun 70-an, dapat upah 25sen memang memadai.

"Nenek akan suruh saya kutip akar-akar kayu dan daun-daun herba untuk dibuat minyak atau bahan untuk mengurut," katanya.

Beliau sendiri, adakalanya akan membantu nenek menyediakan keperluan mengurut.

"Saya mula mempelajari teknik urutan tradisional secara serius sejak 26 tahun yang lalu dan sembilan tahun belajar teknik-teknik mandi wap herba.

"Sekitar tahun 80-an, saya mengurut dari rumah ke rumah, tetapi sekarang segala kemudahan termasuk bahan-bahan untuk mengurut boleh didapati di kediaman saya ini," ceritanya yang merupakan bekas pengawal keselamatan pantai di salah sebuah hotel dekat Teluk Bahang.

**Proses Urutan dan Mandi Wap Herba**

Menurut beliau, sungguhpun kini banyak pusat-pusat kecantikan yang menyediakan perkhidmatan urutan moden, namun, masih ramai lagi yang menggemari urutan secara tradisional menggunakan ramuan herba.

Malah, teknik urutan tradisional yang dilakukan juga mampu membantu memperbaiki sistem perjalanan darah, merawat urat saraf, mengubati sakit sendi-sendi tulang, asma, migrain, sakit kulit, hilangkan bau badan, sengugut dan memulihkan kembali tenaga.

"Contohnya, wanita yang bersalin, perlu menjalani proses berpantang selama 44 hari, perlu juga diurut untuk menaikkan kembali peranakan yang turun akibat bersalin.

"Kalau mai (datang) kat (pada) saya, memang saya akan bagi akar-akar kayu untuk diamalkan seminggu lepas bersalin dan setelah kuat baru saya akan mengurut, kalau segan, anak perempuan saya akan buat (proses mengurut)," katanya yang memperturunkan ilmu mengurut kepada anak perempuan sejak dua tahun lalu.

Jelasnya lagi, sebelum memulakan proses urutan badan, dia akan memulakan dengan mandi wap terlebih dahulu.

Pelbagai jenis herba dan campuran akar-akar kayu hutan digunakan sebagai bahan mandi wap. Antaranya termasuklah daun serai wangi, daun pandan, daun jerangau, daun temu lawak, daun temu kunci, daun jerangau dan daun lengkuas.

"Mandi wap akan memakan masa lebih kurang 15 hingga 20 minit sahaja, tidak boleh dilakukan terlalu lama bagi mengelakkan badan nyahhidrat.

"Lepas mandi wap baru urut lepas tu akan masuk semula dalam 15 hingga 20 minit sebagai penghabisan," jelasnya lagi bahawa sauna perlu dilakukan bagi melembutkan urat saraf dan membuka liang roma agar sapuan minyak ketika mengurut akan diserap dengan cepat.

Tambah beliau, proses urutan biasanya akan mengambil masa satu jam hingga satu jam 30 minit bergantung kepada saiz badan pelanggan dan penyakit yang dihidapi.

**Pelanggan Antarabangsa**

Pernah menerima kunjungan pelanggan dari luar negara, Samsuri sendiri tidak tahu bagaimana perkhidmatannya dikenali pelancong dari luar negara.

"Mungkin ada penduduk tempatan yang menyampaikannya sehingga saya pernah menerima kunjungi pelanggan dari Jepun, Brunei, Singapura dan Jerman.

"Alhamdulillah, diizinkan Tuhan, semua mereka yang berkunjung ke sini berpuas hati dengan rawatan yang diberikan dan datang semula untuk mengurut semula," katanya.

Walaupun mempunyai kekangan bahasa, Samsuri mempunyai sahabat baik yang akan menterjemahkan segala perbualan antara dia dan pelanggan antarabangsa.

Tambah katanya, budaya urutan tradisional ini amat berlainan dengan urutan moden yang ditawarkan di negara asal pelanggan antarabangsa.

"Budaya urutan tradisional ini masih belum diterima sepenuhnya oleh masyarakat luar negara, bagaimanapun mereka yang pernah ke sini mengakui urutan tradisional yang pernah dirasai memang memberikan kesegaran pada diri mereka," ujar Samsuri.



SAMSURI Ahmad.

**Harapan dan impian**

Samsuri berkata, untuk tempoh jangka panjang, beliau mengimpikan untuk memiliki pusat urutan tradisional yang lebih komersial dan selesa.

"Kini saya hanya ada empat bilik mandi wap dan sebuah bilik untuk mengurut.

"Kalau ada tempat yang lebih besar, ia mampu menampung jumlah pelanggan yang datang terutama ketika musim cuti sekolah," katanya.

**Bayaran Berpatutan**

Mengenai kadar bayaran, Samsuri berkata, sebanyak RM30 dikenakan untuk mandi wap herba dan urutan seluruh badan pula dikenakan bayaran RM40.

Pusat urutan tradisional dan mandi wap hernanya beroperasi setiap hari bermula pukul 10 pagi hingga lewat malam.

Bagi yang ingin mendapatkan rawatan, perlulah menghubungi Samsuri di talian **04-885 219**1 atau **019-545 0213.**









SUASANA bilik mandi wap yang ada di sini.



ANTARA kayu-kayan hutan yang ada dalam simpanannya.

# Melanie mahu jadi partisipasi demokrasi

**BELIAU** memainkan peranan yang penting di sebalik program Pesta Demokrasi Tempatan 2013 selama hampir dua bulan bermula pada 5 Oktober lepas hingga 15 Disember depan.

Beliau bagaikan tulang belakang bagi badan bukan kerajaan (NGO) Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) Pulau Pinang dalam menganjurkan festival kali ini.

Bermacam-macam program dianjurkan, antaranya, perasmian pembukaan *Busking* pada 5 Oktober di perkarangan Padang Kota Lama, bersama Sejarahwan tempatan, Datuk Anwar Fazal mengadakan Lawatan Demokrasi Tempatan (12 Oktober).

Selain itu, Bengkel Pembikinan Video turut diadakan pada 26 dan 27 Oktober, Bengkel Komuniti (9 Oktober di Seberang Perai dan 23 November di Pulau).

Pada 29 November, akan diadakan Kem Aktivisme Kreatif, disusuli, program Parlimen Muda pada 13 hingga 15 Disember.

Bersempena penganjuran kali ini, wartawan **Buletin Mutiara (BM), ZAINULFAQAR YAACOB** sempat menemuramah dengan lebih dekat personaliti yang dimaksudkan, iaitu Melanie Yong Wern Ling, 24.

Melanie merupakan anak kedua daripada empat adik-beradik.

Beliau berkata, keluarganya datang dari kelas menengah.

"Saya datang dari kelas menengah, keluarga saya tidak susah dan tidak senang," ujar beliau baru-baru ini.

Gadis berjiwa aktivis ini sebenarnya mempunyai Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dengan major pengajian dalam media dan penyiaran, serta, minor dalam perhubungan antarabangsa.

Namun, beliau mengakui sangat selesa bekerja sebagai Koordinator SUARAM Pulau Pinang.

"Adalah segelintir pensyarah di USM, dalam bilik kuliah pun selalu buat kita fikir sesuatu yang bermanfaat kepada masyarakat.

"Dari situ, saya mengikuti program SUARAM apabila ada masa lapang, saya berkawan dengan aktivis-aktivis SUARAM.

"Semasa saya hampir habis pengajian di Universiti, saya hadiri temuduga dan dipilih menyertai SUARAM di Pulau Pinang mengantikan Hui Fei (bekas Koordinator SUARAM Pulau Pinang).

"Sebelum ini, saya tidak pernah terlibat secara langsung dengan kerja-kerja NGO. Maka, ini sesuatu yang cukup baru dan saya belajar dan mula menimba pengalaman.

"Saya sangat selesa bekerja di sini kerana saya diberikan autonomi untuk merancang dan mengadakan program-program aktivisme di sini.

"Dari segi masa, cukup anjal (sekaligus,) membolehkan saya menguruskan program-program seperti Pesta Demokrasi Tempatan 2013, sekarang," ujar beliau lagi.



MELAINE Yong Wern Ling.

**Demokrasi Tempatan**

Ditanya mengenai konotasi domokrasi tempatan, Melanie berkata, maksudnya sangat luas.

Baginya, demokrasi tempatan bukan sekadar merealisasikan impian rakyat untuk mengembalikan semula pelaksanaan pilihan raya kerajaan tempatan, meliputi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) semata-mata.

Malah, katanya lagi, masih banyak lagi perlu dilakukan untuk mewujudkan demokrasi tempatan yang subur lagi hakiki.

"Ideanya adalah untuk memberi kesedaran kepada tiap-tiap orang untuk bersuara, terutama sekali dalam membuat keputusan yang membabitkan tempat tinggal penduduk di negeri ini sendiri.

"Pesta ini sangat setempat, sebab itu dinamakan Pesta Demokrasi Tempatan.

"Kita selalu bersuara dalam isu nasional sahaja. Apabila membuat satu-satu keputusan pun, selalunya bersifat nasional melalui pengundian calon Ahli Parlimen ke Dewan Rakyat dan ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) untuk ke Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang.

"Kita tidak pernah mengundi untuk seorang Ahli Majlis Kerajaan Tempatan sebab hak itu telah diambil balik dan dihalang oleh Kerajaan Pusat, walaupun Kerajaan Negeri ada komitmen untuk mewujudkan semula pilihan raya kerajaan tempatan.

"Jadi, kita cuba menggandakan tekanan kepada pihak berwajib supaya demokrasi tempatan kembali subur.

"Demokrasi tempatan ini juga perlu kerana tanpa kesedaran ini, satu-satu komuniti tidak akan hidup untuk pelbagai tanggungjawab setempat seperti keselamatan, kebersihan, kehijauan, kemajuan dan sebagainya," ujarnya.

**Partisipasi Demokrasi**

Tanpa demokrasi tempatan, Melanie berkata, partisipasi demokrasi dalam kalangan komuniti akan lemah.

"Dulu, semasa pilihan raya kerajaan tempatan masih dilaksanakan, setiap program pemajuan yang nak dilaksanakan oleh PBT (pihak berkuasa tempatan) akan melalui perundingan secara langsung dengan penduduk di kawasan-kawasan yang dicadangkan.

"Tetapi, sekarang, perbincangan itu hanya membabitkan Ahli Majlis dalam mesyuarat-mesyuarat tertutup PBT sahaja," ujarnya.

Bagaimanapun, katanya, pengenalan GRB (Bajet Responsif Gender) oleh *Penang's Women Development Corporation* (PWDC), iaitu belanjawan tempatan dibuat dengan mengambil kira keperluan gender setempat terlebih dahulu adalah suatu permulaan yang baik.

"Apabila kami (SUARAM) dengan kerjasama Kerajaan Negeri membawa peserta menyertai Lawatan Demokrasi Tempatan umpamanya, mereka boleh melihat keperluan partisipasi demokrasi dalam perbandaran di negeri ini," ujar beliau.

**Cabaran dan Harapan**

Melalui Pesta Demokrasi Tempatan, Melanie mengaku menerima kenalan yang ramai daripada mereka yang berminat untuk menjadi sukarelawan SUARAM.

"Ramai persahabatan dilahirkan dari pesta ini... tapi, cabarannya, kita tidak mempunyai banyak sumber dana untuk membuat publisiti yang besar ke seluruh negeri.

Publisiti kita (SUARAM) tidak menyeluruh sampai ke Seberang Perai, lebih menumpu pada pulau. Ini cabarannya apabila kurang sumber dana dan tenaga kerja," ujar beliau.

Sungguhpun kerja di SUARAM ini agak sedikir mencabar, Melanie berkata, beliau berpeluang mengembara dan menimba banyak pengalaman menerusi dunia aktivisme.

"Contohnya, saya berpeluang pergi ke Raub, Pahang, suatu tempat yang tidak pernah saya pergi kerana menyertai aktivisme Himpunan Hijau sebelum ini.

"Kedua, saya boleh berjumpa ramai orang yang boleh menjadi inspirasi kepada saya.

"Peluang bekerja di SUARAM, termasuk menganjurkan Pesta Demokrasi Tempatan sekarang adalah sangat istimewa dan unik. Saya rasa saya tidak berpeluang lagi mendapat pengalaman seumpama ini di tempat kerja yang lain.

"Tukar kerajaan sahaja sebenarnya tidak memadai, kita perlu tukar cara berfikir kita melalui program Pesta Demokrasi Tempatan," ujar beliau.

# MPPP timbang wujudkan semula trem pelancongan

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) sedang mempertimbang cadangan untuk mewujudkan semula pengangkutan trem, iaitu kenderaan awam menggunakan elektrik serta landasan atas jalan raya yang pernah menjadi salah satu identiti bandar George Town pada era 1870-an dahulu.

Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail berkata, cadangan itu ekoran dari lawatan Setiausahanya, Ir. Ang Aing Thye ke beberapa bandar raya dan mendapati pengangkutan mesra pelancongan itu wujud di beberapa lokasi tersebut sehingga hari ini.

"Apabila ianya bergerak perlahan, ia (trem) akan memberi peluang kepada pelangcong untuk menghayati pemandangan bandaraya George Town yang terkenal dengan bangunan warisan dan bersejarah," ujar Patahiyah di Dewan Bandaran di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, MPPP mencadangkan demikian memandangkan bahawa perkara pengangkutan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Tambah Patahiyah, pergerakan trafik yang perlahan dan sesak di bandar George Town dilihat lebih sesuai menggunakan pengangkutan trem itu.




GAMBAR bersejarah memaparkan operasi pengangkutan trem di Jalan Magazine dekat George Town pada era 1870-an.

Aing Thye pula berkata, pengangkutan trem di Pulau Pinang wujud sejak 1870-an, iaitu enam tahun lebih awal dibina berbanding di Hong Kong.

Sementara itu, Aing Thye turut menyentuh mengenai pelan perancangan trek basikal merangkumi 157 kilometer di sekitar pulau sebagaimana yang dihasratkan oleh Kerajaan Negeri demi merealisasikan kempen Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

Terdahulu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng pernah mencadangkan pengangkutan trem diwujudkan semula di George Town demi mempromosi Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan pilihan terbaik di rantau ini.

## Kejohanan *Paintball* MPPP ke-2 lebih meriah




PATAHIYAH Ismail (berdiri, tujuh dari kiri) bergambar kenangan bersama sebahagian ketua pasukan yang mengambil bahagian sebelum 'peperangan' bermula.

**PADANG KOTA** - 20 pasukan, termasuk dari Medan, Indonesia menyertai Kejohanan *Paintball* Terbuka Pulau Pinang 2013 Kali Ke-2 anjuran Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pada 28 dan 29 September lepas.

Yang di-Pertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail berkata, pihaknya berharap, penganjuran di peringkat pulau itu akan mempopularkan lagi status Pulau Pinang sebagai hub pelancongan sukan.

"Kejohanan pertama seperti ini kita (MPPP) telah anjurkan pada Febuari lalu di Padang Polo dan pada ketika itu hanya mendapat sambutan dari 14 pasukan dan mendapat pujian pemain sebagai kejohanan terbaik di Malaysia.

"Namun, pada kali ini, kita (MPPP) telah mendapat penyertaan sebanyak 20 pasukan dari seluruh Malaysia dan untuk maklumat semua, kita juga menerima satu pasukan dari Medan, Indonesia," ujar beliau pada majlis perasmian di sini baru-baru ini.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada semua penaja hadiah kejohanan berupa barangan *paintball* dan hamper.

Penaja-penaja itu antaranya, Creativision D.C Sdn. Bhd., Redbull Malaysia, Emico Marketing Sdn. Bhd., BIV Multimedia Sdn. Bhd., Regal Marketing & Trading Sdn.Bhd., Raviraj Sdn. Bhd., Maestro Swiss Trading Sdn. Bhd., *OFV Paintball Shop* dan *Big Boy's Kitchen*.

Beliau turut merakamkan ucapan tahniah kepada pasukan yang menjuarai kejohanan tersebut dengan membawa pulang wang tunai RM6,500, medal serta sijil penyertaan.

"Tanpa usaha dan kesungguhan semua pihak, kejohanan ini tidak mungkin menjadi kenyataan dan MPPP turut menghargai usaha semua dalam memartabatkan lagi sukan dan pelancongan negeri Pulau Pinang," jelas beliau lagi.

## Mengapa enggan anugerah status bandaraya? - Ahli Majlis

Oleh: **AHMAD ARAFAT ESAH**



LEE Chun Kit.

**GEORGE TOWN –** Keengganan Kerajaan Pusat, khususnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menaik taraf Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) kepada status bandaraya terus dipersoal.

Ahli Majlis bagi MPPP, Lee Chun Kit berkata pihak berkuasa tempatan (PBT) itu dianggap memenuhi kriteria yang digariskan oleh Pusat.

"Mengapa Kerajaan Pusat masih enggan menganugerahkan status bandaraya kepada (Majlis Perbandaran) Pulau Pinang," soal Chun Kit dalam Mesyuarat Penuh MPPP di sini baru-baru ini.

Beliau berkata sesebuah PBT layak bertaraf bandaraya apabila penduduk sekitarnya tidak kurang dari 300,000 orang serta mempunyai autonomi dari segi kewangan dengan hasil pendapatan tidak kurang daripada RM80 juta.

Kriteria lain, antaranya, mengalami perkembangan dan pembangunan yang pesat seperti pusat perniagaan, perindustrian dan institusi kewangan yang kukuh, mempunyai pusat pengajian tinggi yang lengkap dengan maktab perguruan dan perpustakaan serta mempunyai ciri-ciri istimewa lain dari segi sejarah yang panjang, aktiviti kebudayaan serta sukan yang penting.

Chun Kit berkata, MPPP boleh dinaik taraf menjadi bandaraya melalui penganugerahan watikah yang ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong serta dilengkapi cop mohor daripada Kerajaan Persekutuan.

Terdahulu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dilaporkan berkata, George Town pernah dianugerahkan taraf bandaraya kepada Perbandaran George Town melalui *Royal Charter* oleh Ratu Elizabeth II pada 1 Januari 1957, di mana *Royal Charter* telah mengisytihar dan melantik Perbandaran George Town sebagai bandaraya atau di gelar *City of George Town*.

# MPSP dapat anugerah antarabangsa, OHSAS




LEE Lam Thye (depan, kanan sekali) menyampaikan sijil OHSAS 18001:2007 kepada Maimunah Mohd. Sharif (depan, dua dari kanan) dan Rozali Mohamud (depan, dua dari kiri) sambil diperhatikan kakitangan MPSP di sini baru-baru ini.

Oleh: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) baru-baru ini dipilih sebagai pihak berkuasa tempatan pertama di semenanjung Malaysia yang mendapat sijil pengiktirafan antarabangsa, iaitu Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (OHSAS) 18001:2007.

Justeru, Pengerusi *National Institute of Occupational Safety and Health* (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye menggesa 143 PBT lain seluruh negara mendapatkan pengiktirafan antarabangsa itu.

"Penganugerahan sijil ini merupakan satu penghormatan buat MPSP.

"Ini menunjukkan keprihatinan MPSP dalam menjaga kesihatan dan keselamatan pekerja mereka di tempat kerja dengan menyediakan persekitaran kerja selamat yang sepatutnya," katanya pada Majlis Penyampaian Sijil OHSAS 18001:2007 kepada Yang di-Pertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Dr. Sharudin Shari (Ahli Lembaga Pengarah NIOSH Certification Sdn. Bhd., NCSB), Syamsul Zahrin Zanudin (Pengurus Besar NCSB), Asiah Nasution Suhaimi (Pengurus Persijilan NCSB) dan Sr. Hj. Rozali Mohamud (Setiausaha Perbandaran MPSP) turut hadir pada majlis tersebut.

Tambah beliau, difahamkan bahawa terdapat banyak PBT masih teragak-agak untuk melaksanakan kehendak Akta Keselamatan Pekerjaan 1994.

"Akta itu diwujudkan bagi melindungi para pekerja dan memastikan persekitaran kerja yang selamat," ujarnya.

Dalam pada itu, Maimunah berkata, idea untuk mendapatkan pensijilan OHSAS ini tercetus semasa beliau menghadiri taklimat berkaitan OHSAS 18001:2007 di Perbadanan Produktiviti Malaysia, Kepala Batas pada Januari lalu.

"Bermula dari situ, saya mencabar kakitangan MPSP supaya berfikiran positif bagi mencapai kerja berpasukan yang cemerlang dalam tempoh setahun.

"Alhamdulillah, berkat cabaran tersebut, setelah setahun berhempas pulas akhirnya MPSP telah berjaya mencapai sasaran tersebut dengan penganugerahan OHSAS 18001:2007 pada 28 Ogos 2013," katanya di hadapan kakitangan MPSP yang hadir.

"Antara faktor yang mendorong MPSP untuk mengikuti garis panduan yang ditetapkan NIOSH adalah termasuk mengurangkan kos dan kerugian akibat kecederaan semasa bekerja, meningkatkan produktiviti dan moral pekerja dan mengurangkan tuntutan liabiliti daripada kakitangan," tambahnya.

Terdahulu, MPSP berjaya mengekalkan persijilan ISO 14001:2004 sehingga 13 Jun 2015 yang diperoleh daripada *SIRIM QAS International Sdn. Bhd*.

OHSAS 18001:2007 yang dikeluarkan NIOSH adalah sistem yang berasaskan *British Standard* yang diguna secara meluas di seluruh negara dan mendapat pengiktirafan antarabangsa.

## Senamrobik Taman Tunku meriah



SEBAHAGIAN kumpulan aerobik, *Aero* Permatang pauh bergambar dengan Maimunah Mohd. Sharif (berdiri, empat dari kanan) selepas tamat program senamrobik bersama MPSP baru-baru ini.



MAIMUNAH Mohd. Sharif (depan sekali) turut melakukan senamrobik di Taman Tunku baru-baru ini.

**SIHAT...** Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif menyertai aktiviti senamrobik di Taman Tunku di sini baru-baru ini bagi merealisasikan gaya hidup sihat dalam kalangan komuniti setempat di Seberang Jaya.

Aktiviti sihat yang diadakan secara berkala pada hujung minggu di setiap tiga daerah Seberang Perai itu bertujuan untuk memperkenalkan aktiviti hidup sihat kepada penduduk Seberang Perai.

Maimunah ketika ditemui di sini baru-baru ini berkata, aktiviti senamrobik ini merupakan satu platform yang terbaik untuk MPSP meluangkan masa bersama penduduk setempat.

"Saya sendiri sangat bersemangat apabila tiba hujung minggu untuk bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan untuk menjalankan aktiviti sihat ini.

"Dengan adanya aktiviti ini, diharapkan penduduk Seberang Perai dapat meluangkan masa pada setiap hujung minggu untuk beriadah sambil menjaga kesihatan dengan MPSP," katanya.

Turut diadakan adalah pemeriksaan kesihatan percuma dan pameran informasi MPSP.

Aktiviti yang dijalankan baru-baru ini adalah hasil kerjasama antara MPSP dan kumpulan senamrobik, *Aero* Permatang Pauh.

## PP rintis Hari Tanpa Kereta - Eric



(Dari kanan), PENGASAS Hari Tanpa Kereta Sedunia, Profesor Emeritus Eric Britton, Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP), Sr. Hj. Rozali Mohamud (Setiausaha Perbandaran MPSP) dan Kamarudin Che Lah (Pengarah Kejuruteraan MPSP) hadir pada sesi Dialog Khas sempena Sambutan Hari Tanpa Kereta Sedunia di Auditorium MPSP, dekat Bandar Perda baru-baru ini.




**Dalam sesi berkenaan, Eric memuji tindakan Kerajaan Negeri memperkenalkan Hari Tanpa Kereta setiap hari Ahad sebagai langkah mewujudkan kesedaran awam terhadap masalah kesesakan lalulintas dan pencemaran alam sekitar rentetan peningkatan bilangan kenderaan di atas jalan raya.**

# Dua YB bermalam, RAGAS sokong perjuangan Kg. Pmtg. Tok Subuh

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BUKIT MERTAJAM –** Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Sim Chee Keong dan Lee Khai Loon (Ahli Dewan Undangan Negeri Machang Bubuk) bermalam satu malam di Kampung Permatang Tok Subuh sebagai memberi sokongan moral pada perjuangan 52 keluarga setempat mempertahan hak penempatan masing-masing dari diusir oleh tuan tanah di sini.

Program komuniti itu diadakan serentak dengan Program Pemeriksaan Kesihatan Percuma dan Program Derma Darah 'Kampung Kami Tempat Tumpah Darah Kami' anjuran bersama badan bukan kerajaan (NGO) Badan Bertindak Rumah Ganti Rumah Selesa (RAGAS), Hospital Daerah Kepala Batas dan *D'BM Hospital* Permatang Pauh.

"Walaupun undang-undang tidak menyebelahi kita, isu kampung ini telahpun sampai ke pengetahuan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

"Ketua Menteri kata, macam mana pun jentera Kerajaan Negeri, termasuk Pejabat Daerah (Seberang Perai Tengah, SPT) akan bersama-sama penduduk.

"Kita akan pergi (menyelesaikan masalah ini) sejauh mana yang kita boleh pergi," ujar beliau dalam satu sidang media di sini baru-baru ini.

Tiga Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Mair Md. Ghazali, Ho Leng Hong dan P. David Marshel serta Hamidah Che Embi (Pengerusi Badan Bertindak Selamatkan Hak Penduduk Kampung Permatang Tok Subuh).

Hampir 100 warga setempat menyertai program komuniti tersebut.

Sebelum itu, Leng Hong yang juga pengamal undang-undang berkata, beliau sendiri akan mewakili beberapa penduduk setempat untuk memohon injuksi dalam perbicaraan mahkamah nanti.

Manakala, Pengerusi RAGAS, Zolkifly Md. Lazim pula berkata, pihaknya akan membantu berunding dengan tuan tanah dan pemaju serta kepimpinan negeri supaya penduduk setempat berwajib terus kekal dalam arus pemajuan kampung tersebut kelak.





**SIM Chee Keong (empat dari kiri), Lee Khai Loon (dua dari kiri) dan Zolkifly Md. Lazim (tujuh dari kiri) bergambar kenang-kenangan bersama-sama pembantu perubatan *D'BM Hospital* pada program Derma Darah 'Kampung Kami Tempat Tumpah Darah Kami' di sini baru-baru ini.**

**◄ SIM Chee Keong (tiga dari kiri) dan Lee Khai Loon (dua dari kiri) bersama-sama tuan rumah di kampong Permatang tok Subuh di sini baru-baru ini.**

# ADUN seru semua pihak lawan jenayah

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**AIR ITAM –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai, menyeru semua pihak termasuk orang awam untuk bekerjasama membantu perangi jenayah di kawasan komuniti masing-masing.

Ujarnya, selain mewujudkan polis komuniti, inisiatif Kerajaan Negeri dalam menubuhkan Pasukan Peronda Sukarela (PPS) juga diharap dapat membantu pihak polis terutamanya dalam mengekalkan keamanan sosial dan melindungi keselamatan dan harta rakyat.

"PPS ditubuhkan bagi membantu polis mengekalkan keamanan kawasan sekitar.

"Malah sehingga ke hari ini, penubuhan PPS telah menampakkan hasilnya apabila mereka (PPS) membantu melawan jenayah seperti pecah rumah dan mencuri motosikal," katanya pada majlis ringkas perasmian Bilik Operasi PPS Desa Mawar baru-baru ini.

Beliau turut menzahirkan rasa terima kasih kepada anggota PPS yang melakukan rondaan secara sukarela dalam menjaga kedamaian penduduk sekitar.

"Saya harap lebih ramai lagi yang tampil menjadi anggota PPS terutama anak-anak muda kerana mereka mempunyai tenaga dan semangat yang kuat," ujar Hon Wai lagi.

Hadir sama Ketua PPS Desa Mawar, Kung Kia Hor.




**WONG Hon Wai menurunkan tandatangan sebagai gimik perasmian bilik operasi Pasukan Peronda Sukarela Taman Mawar dekat sini baru-baru ini.**



**WONG Hon Wai (baris belakang, empat dari kiri) bergambar bersama sebahagian anggota Pasukan Peronda Sukarela Taman Mawar baru-baru ini.**

# Masalah banjir Taman Merbau Indah selesai - PPK



**ZAHADI Mohamad (berkopiah putih) bersama salah seorang ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti memantau pembinaan longkang berhampiran Taman Merbau Indah baru-baru ini.**

**SUNGAI DUA –** Masalah banjir yang kerap berlaku berdekatan Taman Merbau Indah kini bakal berakhir apabila Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Sungai Dua, Zahadi Mohamad mengambil inisiatif membina longkang dengan kos RM80,000 hasil usahasama Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara.

Zahadi berkata, pihaknya juga sedang meninjau beberapa lagi kawasan yang berkecenderungan banjir terutama kawasan yang rendah.

"Kawasan sekitar sini akan berubah wajah dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun kerana pembangunan yang semakin pesat.

"Walau bagaimanapun, pemantauan berterusan harus dilaksanakan demi menjamin keselesaan dan keselamatan penduduk di sini," jelasnya baru-baru ini.

# ADUN Jawi ajak gotong-royong cegah aedes



SOON Lip Chee (tengah) bersama rakan-rakan lain bergambar kenang-kenangan selepas selesai program gotong-royong di sini baru-baru ini.

**JAWI** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengadakan program gotong-royong di Ladang Kalidonia demi mencegah pembiakan nyamuk aedes di sini.

Menurut beliau, inisiatif itu sebagai persiapan komuniti setempat yang rata-ratanya penganut Hindu bagi menyambut Hari Deepavali.

"Jabatan kesihatan menyemburkan ubat *(fogging)* terutama terhadap padang yang terbiar dan di persekitaran kawasan perumahan untuk mengelakkan pembiakan nyamuk di kawasan tersebut.

"Penduduk di sini dinasihatkan agar membuang bekas yang berkemungkinan menakung air.

"Kami juga memberitahu penduduk agar membuang barang yang tidak terpakai agar pihak MPSP dapat mengambil barang tersebut, (selain) membantu penduduk membersihkan kawasan luar rumah, terutama Hari Deepavali sudah berdekatan," ujar beliau.

Ahli Majlis bagi MPSP, Loh Joo Huat turut hadir dalam program komuniti tersebut.

Lip Chee merakamkan penghargaan kepada lebih 40 pekerja MPSP dan 10 pegawai dari Jabatan Kesihatan serta komuniti setempat kerana menjayakan program gotong-royong itu walaupun terpaksa menempuh dalam keadaan hujan yang renyai.

Perkembangan terbaru itu sekaligus menyerlahkan komitmen pemimpin negeri dalam merealisasikan kempen Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

# Pasukan JKKK Lahar Kepar juara Kejohanan Futsal Piala PPK



RIDWAN Osman (berdiri, tiga dari kanan) bergambar bersama-sama salah satu pasukan yang menyertai Kejohanan Futsal Piala Penyelaras KADUN dekat sini baru-baru ini.

**PENAGA** – Pasukan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Lahar Kepar dijulang sebagai johan dan membawa pulang wang tunai bernilai RM800 berserta medal pada Kejohanan Futsal Piala Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penaga dekat sini baru-baru ini.

Menurut Pegawai Penyelaras KADUN (PPK) Penaga, Ridwan Osman, kejohanan yang telah memasuki tahun kedua ini akan dijadikan acara tahunan bagi KADUNnya.

"Sambutan yang menggalakkan serta ada 'desakan' yang meminta agar acara ini dijadikan acara tahunan memberi semangat khususnya kepada anak-anak muda di sini untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang sihat," ujar Ridwan.

Tambahnya, minat yang ditunjukkan oleh anak-anak muda di Penaga dalam bidang sukan amat tinggi dan program-program sihat sebegini akan diteruskan pada masa-masa hadapan.

Kejohanan yang disertai oleh 24 pasukan ini menggamit kehadiran lebih 500 anak muda.

Pasukan TKB Xxora 'A' meraih tempat kedua, Pasukan TKB Xxora 'B' (tempat ketiga) dan Pasukan Hantu Mak Limah (tempat keempat) dengan masing-masing membawa pulang wang tunai RM500, RM300 dan RM200 berserta medal.

# ADUN, MPSP tubuh Skuad Bencana Banjir




LEE Khai Loon (depan) saling berinteraksi dengan warga setempat demi menangani bencana banjir lumpur di sini baru-baru ini.

**MACHANG BUBUK** – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menganjurkan dialog dengan penduduk Taman Amra, Taman Asas Murni dan Taman Sukun bagi mencari penyelesaian pada bencana banjir lumpur di sini.

Hasil interaksi itu, beliau berkata, penduduk berwajib sedia menubuhkan Skuad Bencana Banjir di kawasan kediaman masing-masing.

"Skuad ini akan bekerjasama dengan Skuad Khas yang ditubuhkan MPSP dan beroperasi 24 jam.

"Peranan skuad komuniti ini adalah menyalurkan informasi setempat secara langsung kepada MPSP serta melakukan kerja-kerja kesukarelawan sementara menunggu bantuan daripada Skuad Khas MPSP apabila berlakunya banjir," ujar beliau di Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Amra di sini baru-baru ini.

Ahli Majlis bagi MPSP, Ho Leng Hong turut hadir pada majlis yang disertai hampir 50 wakil komuniti setempat itu.

Khai Loon turut merakamkan penghargaan kepada JKKK Taman Sukun kerana mengambil inisiatif menganjurkan program interaktif itu.

Sebelum itu, wakil MPSP turut menjelaskan beberapa pelan perancangan pemajuan di kawasan tumpuan banjir lumpur, iaitu menaik taraf rumah pam berwajib lengkap dengan sistem pintasan aliran air *(by-pass channel)* yang dianggarkan menelan belanja kira-kira RM6 juta.


Penang Green Office
Penang Green Office Project
Projek Pejabat Hijau Pulau Pinang
Dibuka untuk Pendaftaran!!
3 Langkah Mudah untuk Menyertai :
•Daftar akaun anda di www.pgc.com.my/penanggreenofficeproject
•Jawab soalan-soalan di dalam Penilaian Pejabat Hijau.
Pejabat anda akan layak untuk satu sesi audit jika rating kesediaan anda adalah sekurang-kurangnya 70%.
•Nyatakan minat anda untuk satu sesi audit untuk disahkan sebagai Pejabat Hijau Pulau Pinang!
Semua Pemohon yang Berjaya akan Layak untuk:
•Satu plak pensijilan dan sijil.
•Hak untuk menggunakan logo Projek Pejabat Hijau Pulau Pinang pada semua dokumentasi rasmi, iklan, dan bahan publisiti lain.
•Penyertaan dalam majlis penyampain sijil.
•Nama jabatan/ pejabat yang turut serta akan diterbitkan di laman web PGC.
•Iklan di Buletin Mutiara.
www.pgc.com.my
info@pgc.com.my
04-250 3321/2
04-250 3323